

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.

**HUBUNGKAIT ANTARA KESEDARAN,  
PENGETAHUAN DAN MODAL INSAN DENGAN  
PERSEPSI PELAJAR UUM TERHADAP AUDIT  
SYARIAH**



**SITI HANIS BINTI JAMAIL**

**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

**SARJANA SAINS (PENGURUSAN)**

**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**JUN 2016**

**HUBUNGKAIT ANTARA KESEDARAN, PENGETAHUAN DAN MODAL  
INSAN DENGAN PERSEPSI PELAJAR UUM TERHADAP AUDIT  
SYARIAH**



Oleh  
**SITI HANIS BINTI JAMAIL**

**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

**Kertas Penyelidikan ini diserahkan kepada  
Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM)  
Universiti Utara Malaysia**

## **KEBENARAN MERUJUK**

Kertas penyelidikan ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan pengijazahan Sarjana Sains (Pengurusan). Saya bersetuju membenarkan pihak perpustakaan Universiti Utara Malaysia (UUM) menjadikan kertas penyelidikan ini sebagai bahan rujukan. Saya juga bersetuju membenarkan sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada kertas penyelidikan ini untuk tujuan akademik dengan mendapatkan kebenaran penyelia kertas penyelidikan atau Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan. Sebarang bentuk salinan atau penggunaan sama ada secara keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada kertas penyelidikan ini bagi tujuan komersil tidak dibenarkan sama sekali tanpa kebenaran daripada penyelidik. Penyataan rujukan kepada penyelidik dan Universiti Utara Malaysia perlu dinyatakan dalam penggunaan sebarang bentuk bahan-bahan yang terdapat di dalam kertas penyelidikan ini.

Permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk membuat salinan atau menggunakan secara keseluruhan atau sebahagian kertas penyelidikan ini boleh dibuat dengan menulis kepada:

Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan,  
Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok,  
Kedah Darul Aman, Malaysia.

## ABSTRAK

Bidang pengauditan syariah memainkan peranan yang penting dalam memastikan institusi kewangan Islam bebas daripada sebarang urusan melibatkan perkara bertentangan agama Islam. Namun begitu, kesedaran dan pengetahuan masyarakat mengenai audit syariah amatlah terbatas dan terhad selain masalah kekurangan bilangan juruaudit syariah di Malaysia. Di samping itu juga, pemahaman terhadap bagaimana melaksanakan secara cekap dan berkesan audit syariah berdasarkan aspek modal insan dari segi pendidikan juga masih berada di tahap yang rendah di kalangan masyarakat. Oleh yang demikian, penyelidik melaksanakan kajian ini bagi mengenal pasti kekuatan hubungan antara kesedaran, pengetahuan dan modal insan dengan persepsi pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam di UUM terhadap audit syariah di mana kajian ini diharap dapat meningkatkan penglibatan bilangan juruaudit di Malaysia pada masa akan datang. Kajian ini merupakan kajian jenis kuantitatif dengan menggunakan soal selidik yang melibatkan sampel kajian terdiri daripada 73 responden. Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah analisis statistik deskriptif dan inferensi yang melibatkan penggunaan kekerapan dan peratusan bagi menganalisis demografi responden, ujian sampel *t*-bebas, ujian hubungan satu hala ANOVA, analisis kolerasi Pearson dan analisis regresi berganda. Keseluruhan hasil dapatan kajian berdasarkan analisis ujian kolerasi Pearson mendapati kesedaran dan modal insan mempunyai hubungan yang kuat dengan persepsi pelajar terhadap audit syariah manakala pengetahuan mempunyai hubungan yang sederhana dengan persepsi pelajar terhadap audit syariah.

**Kata kunci:** Audit syariah, kesedaran, pengetahuan, modal insan dan persepsi pelajar.

## ABSTRACT

Shariah auditing plays an important role in ensuring the Islamic financial institution free from the transaction that involves the opposite of Islam. However, awareness and knowledge about the shariah audit in the society is very limited besides the shortage numbers of shariah auditor in Malaysia. In addition, an understanding of how to implement an efficient and effective shariah audit based on aspects of human capital in terms of education is also still at a low level in the society. The researchers conducted this study to determine the strength of the relationship between awareness, knowledge and human capital with the perception of graduate students majoring in Islamic banking and finance in UUM towards shariah audit in which this study is expected to increase the involvement of auditors in the future. This study is a quantitative research by using a questionnaire that involves the study sample consisted of 73 respondents. The methodology used in this research is statistical analysis descriptive and inferential that involves the use of frequencies and percentages for analyzing the demographics of respondents, independent *t*-test samples, the test of one-way ANOVA, Pearson correlation analysis and multiple regression analysis. Overall, the findings based on the analysis of Pearson correlation test found that awareness and human capital have a strong relationship with students perceptions while the knowledge of shariah audit has a moderate relationship with the students perception towards shariah audit.

**Key words** : Shariah audit, awareness, knowledge, human capital and students perceptions.

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah, Tuhan seluruh alam. Selawat dan salam untuk Nabi Muhammad S.A.W junjungan kita, berserta keluarga dan sahabat. Pertama sekali, saya ingin memanjatkan rasa syukur kehadiran Ilahi kerana dengan izin-Nya saya berjaya menyiapkan kajian ini pada masa yang ditetapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada keluarga saya iaitu ibu, Latifah Azmi, kakak, Khairul Nizam Jamail dan abang saya, Muhammad Bukhari Jamail di atas sokongan dan dorongan bagi menyiapkan kajian ini. Selain itu, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya, Dr Mohd Shahril Bin Ahmad Razimi di atas bimbingan, perkongsian ilmu, dan nasihat bagi meningkatkan lagi kualiti penulisan kajian saya di samping beliau meluangkan masa bagi pengawasan secara berterusan sepanjang tempoh kajian dijalankan.

Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan saya dengan ucapan terima kasih kepada pensyarah UUM daripada Falkulti Perbankan dan Kewangan Islam yang telah meluangkan masa dan memberi pandangan terhadap kajian saya bagi memperbaiki dan penambahbaikan penulisan tesis saya ini. Tidak lupa juga pada sahabat-sahabat yang membantu saya dalam mengedarkan borang soal kaji selidik dan penganalisan data iaitu Maisara Masri, Nur Aqilah, Nurul Nadhrah, Nurul Diana, Nur Afifa dan Shariza Semi.

## ISI KANDUNGAN

<b>KEBENARAN MERUJUK</b>	<b>ii</b>	
<b>ABSTRAK</b>	<b>iii</b>	
<b>ABSTRACT</b>	<b>iv</b>	
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>	
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>	
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>ix</b>	
<b>SENARAI GAMBAR RAJAH</b>	<b>x</b>	
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xi</b>	
<b>BAB SATU PENGENALAN</b>	<b>1</b>	
1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Pernyataan Masalah	6
1.3	Persoalan Kajian	10
1.4	Objektif Kajian	11
1.5	Kepentingan Kajian	12
1.6	Skop Kajian	13
1.7	Batasan Kajian	14
1.8	Definisi Operasional	15
1.9	Kerangka Teoritikal Kajian	16
1.10	Organisasi Kajian	17
<b>BAB DUA ULASAN KARYA</b>	<b>19</b>	
2.0	Pendahuluan	19
2.1	Kesedaran	19
2.2	Pengetahuan	21
2.3	Modal Insan	24
2.4	Audit	28
	2.4.1 Jenis-jenis Audit	31
2.5	Audit Syariah	32
	2.5.1 Skop Audit Syariah	38
	2.5.2 Kepentingan Audit Syariah	40
2.6	Persepsi Pelajar	42
2.7	Kesimpulan	46



<b>BAB TIGA KAEDAH KAJIAN</b>	<b>47</b>
3.0	Pendahuluan 47
3.1	Reka Bentuk Kajian 47
3.1.1	Jenis Penyelidikan 48
3.2	Rangka Kerja Kajian 48
3.3	Hipotesis 49
3.4	Instrumen Kajian dan Pengukuran 51
3.4.1	Instrumen Kajian (Research Instruments) 51
3.4.2	Pengukuran Pemboleh Ubah 53
3.5	Populasi dan Persampelen Kajian 54
3.5.1	Populasi 54
3.5.2	Persampelan 55
3.6	Pengumpulan Data 55
3.6.1	Data Premier 56
3.6.2	Sumber Sekunder 56
3.7	Kajian Rintis ( <i>Pilot Test</i> ) 57
3.8	Ujian Kebolehpercayaan ( <i>Reliability Test</i> ) 58
3.9	Ujian Kesahan ( <i>Validity Test</i> ) 58
3.10	Saringan Data ( <i>Data Screening</i> ) 59
3.10.1	Missing Value 59
3.10.2	Ujian Multivariate Outlier 60
3.10.3	Ujian Taburan Normal ( <i>Normality Test</i> ) 60
3.11	Penganalisan Data 61
3.11.1	Ujian Sampel t ( <i>t-test</i> ) 61
3.11.2	Ujian Hubungan Satu Hala ANOVA ( <i>One Way Anova</i> ) 62
3.11.3	Analisis Kolerasi Pearson ( <i>Pearson Correlation Analysis</i> ) 62
3.11.4	Analisis Regresi ( <i>Regression Analysis</i> ) 63
3.12	Rumusan 64
<b>BAB EMPAT DAPATAN KAJIAN</b>	<b>65</b>
4.0	Pendahuluan 65
4.1	Maklum Balas Responden 65
4.2	Ujian Kebolehpercayaan ( <i>Reliability Test</i> ) 66
4.3	Saringan Data ( <i>Data Screening</i> ) 67
4.3.1	Missing Value 67
4.3.2	Multivariate Outlier 68
4.3.3	Ujian Taburan Normal (Normality Test) 69
4.4	Analisis Deskriptif 71
4.4.1	Demografi Responden 71
4.5	Analisis Inferensi 73
4.5.1	Ujian Sampel t-Bebas ( <i>Independent T-test</i> ) 73
4.5.2	Ujian Hubungan Satu Hala ANOVA 74
4.5.3	Analisis Kolerasi Pearson ( <i>Pearson Correlation Analysis</i> ) 76
4.5.4	Analisis Regresi Berganda ( <i>Multiple Regression Analysis</i> ) 77
4.6	Ringkasan Hasil Ujian Hipotesis 79
4.7	Kesimpulan 81

<b>BAB LIMA PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	<b>82</b>	
5.0	Pendahuluan	82
5.1	Perbincangan Hasil Dapatan Kajian	82
5.1.1	Perbezaan Demografi (Jantina, Umur, Bangsa, dan Tahun Pengajian) dengan Persepsi Pelajar Sarjana	84
5.1.2	Hubungan antara Kesedaran dengan Persepsi Pelajar Sarjana	85
5.1.3	Hubungan antara Pengetahuan dan Persepsi Pelajar Sarjana	86
5.1.4	Hubungan antara Modal Insan dan Persepsi Pelajar Sarjana	87
5.2	Implikasi Kajian	87
5.3	Batasan kajian	88
5.4	Cadangan Penyelidikan Pada Masa Hadapan	88
5.5	Kesimpulan	90
<b>RUJUKAN</b>		<b>92</b>
<b>LAMPIRAN BORANG SOAL SELIDIK</b>		<b>99</b>



**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

## SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	Ringkasan Bentuk Soal Selidik	52
Jadual 3.2	Skala Pemarkahan untuk Pemboleh Ubah Tidak Bersandar dan Pemboleh Ubah Bersandar	53
Jadual 3.3	Pengagihan Pemboleh Ubah dan Pengukuran Kajian	54
Jadual 3.4	Tafsiran Kekuatan Pekali Kolerasi	63
Jadual 4.1	Peratusan Respon	66
Jadual 4.2	Nilai <i>Cronbach Alpha</i> bagi Setiap Pemboleh Ubah	66
Jadual 4.3	Nilai <i>Mahalanobis Distance</i>	68
Jadual 4.4	Taburan Demografi Responden	72
Jadual 4.5	Ujian Sampel <i>t</i> -Bebas : Perbezaan Jantina Mempunyai Kesan yang Ketara (Signifikan) Dengan Persepsi Pelajar	74
Jadual 4.6	Analisis Hubungan Satu Hala ANOVA : Perbezaan Umur Mempunyai Kesan yang Ketara (Signifikan) Dengan Persepsi Pelajar	75
Jadual 4.7	Analisis Hubungan Satu Hala ANOVA : Perbezaan Bangsa Mempunyai Kesan yang Ketara (Signifikan) Dengan Persepsi Pelajar	75
Jadual 4.8	Analisis Hubungan Satu Hala ANOVA : Perbezaan Tahun Pengajian Mempunyai Kesan yang Ketara (Signifikan) Dengan Persepsi Pelajar	76
Jadual 4.9	Hubungan Kolerasi Antara Kesedaran, Pengetahuan dan Modal Insan dengan Persepsi Pelajar Sarjana Dengan Audit Syariah.	77
Jadual 4.10	Analisis Regresi Berganda Bagi Kesedaran, Pengetahuan dan Modal Insan dengan Persepsi Pelajar	78
Jadual 4.11	Ringkasan Hasil Ujian Hipotesis	80

## SENARAI GAMBAR RAJAH

Rajah 1.1	Kerangka Teoritikal Kajian	16
Rajah 2.1	Skop Audit Syariah	38
Rajah 3.1	Rangka Kerja Kajian	49
Rajah 4.1	Histogram bagi Kesedaran	69
Rajah 4.2	Histogram bagi Pengetahuan	70
Rajah 4.3	Histogram bagi Modal Insan	70
Rajah 4.4	Histogram bagi Persepsi Pelajar	71



## SENARAI SINGKATAN

AAOIFI	Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions
BNM	Bank Negara Malaysia
GAAP	General Accepted Accounting Principles
IASB	International Accounting Standards Board
IFRS	International Financial Reporting Standards
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia
SPSS	Statistical Package for Social Science



**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

# **BAB SATU**

## **PENGENALAN**

### **1.0 Pendahuluan**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat persepsi pelajar-pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam terhadap audit syariah. Aspek kesedaran, pengetahuan dan modal insan menjadi di antara pemboleh ubah tidak bersandar bagi melihat hubungan dengan pemboleh ubah bersandar iaitu persepsi pelajar. Oleh itu, bab pertama ini akan membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, batasan kajian, definisi operasional, kerangka teoritikal kajian dan organisasi kajian.

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Pertumbuhan pesat sistem kewangan Islam secara global menunjukkan bahawa kesedaran dan kepercayaan pengguna serta pelabur terhadap sistem ini mulai meningkat seiring dengan perkembangannya. Pertumbuhan pesat sistem kewangan Islam ini juga menunjukkan bahawa pengguna dan pelabur mulai sedar akan kepentingan dan kewajipan melaksanakan urusan niaga yang berlandaskan ekonomi dan syariat Islam khususnya dalam usaha mencapai kestabilan ekonomi Islam itu sendiri (Abdul Razak & Omar, 2008). Industri kewangan Islam telah berkembang pesat dengan peningkatan sebanyak 10%-20% setiap tahun sepanjang dekad yang lalu. Pada

hari ini, aset kewangan patuh syariah telah dianggarkan meningkat sehingga AS \$2 trilion, di mana anggaran ini meliputi bank dan institusi kewangan bukan bank, pasaran modal, pasaran wang dan takaful (The Worldbank, 2015).

Malah menurut laporan The Worldbank (2015), aset perbankan Islam berkembang dengan lebih cepat berbanding aset perbankan konvensional di kebanyakan negara-negara Islam. Institusi kewangan Islam bukan sahaja telah menarik minat pelabur dan pengguna daripada negara-negara Islam, malah ianya turut menarik minat pengguna negara-negara bukan beragama Islam seperti UK, Luxembourg, South Africa dan Hong Kong (The Worldbank, 2015).

Di Malaysia peningkatan tahap kesedaran pengguna terhadap produk kewangan Islam amat menggalakkan. Perkara ini mendorong kepada keperluan untuk mempunyai institusi kewangan Islam bagi menyokong pertumbuhan ekonomi kewangan Islam. Laporan dari Ernst & Young World Islamic (2013-2014) telah menganggarkan aset perbankan Islam antarabangsa Malaysia dijangka meningkat kepada lebih daripada US \$ 390 billion pada 2018 daripada US \$ 120 billion pada tahun 2012.

Di samping itu, menurut penerbitan industri, Global Islamic Financial Review, seperti yang dipetik dalam jurnal oleh Ali dan Shafii (2014), sejak 30 tahun yang lalu, sektor kewangan Islam telah berkembang kepada lebih RM1.6 trilion dalam aset. Krisis kewangan juga telah meningkatkan pertumbuhan industri kewangan Islam di mana aset industri ini telah berkembang daripada 19% ke 21% masing-masing pada tahun 2011 dan 2012, sebaliknya aset perbankan konvensional hanya meningkat kurang daripada 10% di seluruh dunia (Popper, 2013). Ini menunjukkan bahawa institusi

kewangan Islam telah diterima oleh pengguna-pengguna perkhidmatan kewangan di seluruh dunia tidak termasuk Malaysia. Oleh yang demikian, institusi kewangan Islam ini dilihat mempunyai potensi yang besar untuk berjaya di Malaysia mahupun secara global.

Laporan kewangan Islam daripada The Worldbank (2015) dan laporan daripada Ernst & Young World Islamic (2013-2014) telah menunjukkan perkembangan dan peningkatan institusi kewangan Islam yang positif sekaligus akan menyebabkan urusan tadbir dan operasi perniagaan Islam akan menjadi persoalan kepada pihak berkepentingan seperti pelabur dan pengguna. Persoalan seperti bagaimanakah institusi-institusi kewangan Islam ini memastikan urusan tadbir dan operasi perniagaan adalah berlandaskan syariah Islam seringkali bermain di fikiran pihak berkepentingan. Oleh itu, bidang pengauditan syariah menjadi satu mekanisme penting dalam memastikan urusan tadbir dan operasi perniagaan institusi-institusi kewangan Islam adalah berlandaskan hukum syarak dan sekaligus dapat menghilangkan rasa ragu-ragu pihak berkepentingan untuk terus menggunakan perkhidmatan institusi kewangan Islam ini.

Fungsi audit dari pandangan Islam adalah lebih penting dan wajib kerana ia menekankan konsep akauntabiliti juruaudit bukan sahaja kepada pihak-pihak berkepentingan, malah lebih utama kepada Pencipta iaitu Allah S.W.T. (Ali & Shafii, 2014). Sebagai umat Islam kita haruslah percaya dan yakin bahawa setiap tindakan dilakukan oleh individu sentiasa diperhatikan oleh Allah S.W.T. Allah S.W.T telah berfirman dalam surah *An-Nisa*, ayat 86 iaitu:



*“Dan apabila kamu dihormati dengan sesuatu penghormatan (Salam), maka balaslah penghormatan itu dengan lebih baik atau balaslah (penghormatan itu, yang sepadan) dengannya. Sesungguhnya Allah menghitung segala sesuatu.”*

### ***An-Nisa’*: Ayat 86**

Yaacob dan Donglah (2012) pula menyatakan bahawa industri kewangan Islam perlu “menyemak dan mengimbangi” (*check and balance*) penyata kewangan berdasarkan mekanisme dalam bentuk pengauditan syariah yang sesuai dengan objektif dan misi pembentukan “*Maqasid Syariah*” bagi mencapai objektif syariah Islam. Objektif utama audit syariah ialah memberi pengiktirafan dan manfaat kepada rakyat berhubung hal ehwal dunia dan akhirat dan melarang sebarang tindakan penipuan contohnya seperti matlamat institusi kewangan perbankan konvensional dalam memaksimumkan keuntungan (Ali & Shafii, 2014). Institusi kewangan Islam merujuk kepada aktiviti dan operasi organisasi yang patuh syariah dalam memastikan setiap urusan bebas daripada sebarang unsur riba, *gharar* (*ketidakpastian*) dan *maisir* (*perjudian*) serta mempunyai tujuan ekonomi sebenar bagi memastikan sektor ekonomi Islam yang produktif (Mohamed Sultan, 2007).

Dalam sejarah akauntabiliti Islam, fungsi audit telah dilakukan dengan penubuhan institusi *Hisbah* dan pelantikan muhtasib (setanding dengan peranan audit) untuk memantau, mengawal dan mencegah sebarang salah laku atau eksploitasi kepada pengguna di pasaran (Yaacob & Donglah, 2012). *Muhtasib* (juruaudit) diambil bekerja oleh pemerintah untuk melaksanakan *Hisbah* (audit) bagi pihak kerajaan.

Fungsi *muhtasib* adalah untuk menggalakkan hak dan melarang sebarang perbuatan salah seperti yang disebut dalam Al-Quran, dalam surah *Ali- 'Imran* ayat 104 iaitu:

*"Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah daripada yang mungkar. mereka itulah orang yang beruntung."*

#### ***Ali- 'Imran: Ayat 104***

Dalam konteks kajian ini, audit syariah boleh ditakrifkan sebagai satu penilaian berkala yang dijalankan dari semasa ke semasa, untuk memberi penilaian bebas dan jaminan objektif bagi menambah nilai serta meningkatkan tahap pematuhan operasi perniagaan institusi kewangan Islam dalam memastikan sistem dalaman perniagaan dijalankan mematuhi syariah Islam oleh juruaudit syariah (Bank Negara Malaysia, 2010). Walaupun audit syariah pada masa kini adalah penting, namun begitu kesedaran dan pemahaman terhadap audit syariah dan bagaimana pelaksanaannya masih berada di tahap yang rendah di kalangan masyarakat. Selain itu, masalah kekurangan juruaudit syariah di Malaysia serta tiadanya juruaudit yang cekap dan mahir dari perspektif modal insan juga menjadi di antara penyebab kepada masalah kekurangan juruaudit syariah yang cekap dan mahir.

Dengan itu, adalah menjadi satu keperluan dan kepentingan bagi sesebuah negara yang mempunyai institusi kewangan Islam dalam memberi penekanan terhadap bidang pengauditan syariah dan memastikan bilangan juruaudit syariah yang berpengetahuan dan cekap dalam bidang audit syariah adalah mencukupi. Oleh yang

demikian, kajian ini dilakukan oleh penyelidik bagi melihat hubungan antara kesedaran, pengetahuan dan modal insan dari perspektif pendidikan di peringkat universiti untuk memenuhi keperluan dan meningkatkan bilangan penglibatan juruaudit syariah di institusi kewangan Islam di Malaysia pada masa hadapan.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Peningkatan secara global institusi kewangan Islam telah menyebabkan bidang pengauditan syariah menjadi sebagai satu mekanisme yang penting dalam memastikan institusi-institusi kewangan Islam ini menjalankan urus tadbir berlandaskan syariah Islam (Abdul Razak & Omar, 2008).

Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan bagi mengkaji bidang audit syariah sebelum ini. Namun begitu, kajian dalam bidang audit syariah masih di peringkat permulaan. Menurut kajian yang dilakukan oleh Abdul Razak dan Omar (2008), penglibatan juruaudit syariah yang berpengalaman serta menguasai bidang audit syariah di Malaysia masih di tahap membimbangkan. Kajian ini disokong dengan kajian oleh Kassim, Mohamad Ibrahim dan Sulaiman (2009), di mana penyelidik menegaskan bahawa Malaysia masih kekurangan juruaudit yang cekap serta mahir dalam bidang syariah mahupun pengauditan.

Selain itu, kajian terbaru oleh Ahmad dan Al-Aidaros (2015) mengenai keperluan kebebasan juruaudit syariah di dalam bank koperasi Islam juga mendapati bahawa sebanyak 85% responden percaya sektor audit syariah masih kekurangan pakar dalam bidang pengauditan sekaligus menunjukkan bahawa bilangan juruaudit bagi

mengendalikan sektor pengauditan syariah masih berada di tahap yang membimbangkan. Malah hasil kajian oleh penyelidik ini juga mendapati lebih separuh (50%) responden menegaskan bahawa juruaudit yang sedia ada tidak dilatih secukupnya dalam mengendalikan operasi pengauditan ke atas institusi-institusi kewangan Islam.

Hasil kajian oleh Ahmad dan Al-Aidaros (2015) ini menunjukkan bahawa tahap kesedaran dan pengetahuan pihak yang berkepentingan seperti pelabur dan pengguna mengenai kewujudan audit syariah dan juruaudit syariah masih terhad. Malah bidang ini masih tidak diberi penekanan di peringkat akademik meskipun institusi kewangan Islam telah mula menunjukkan pertumbuhan yang positif bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh dunia.

Satu kajian yang dilakukan oleh Yaacob dan Donglah (2012) di Brunei yang berjudul *“Audit Syariah di Institusi Kewangan Islam menurut Perspektif Pelajar Pascasiswazah”* mendapati bahawa tahap kesedaran dan pemahaman pelajar terhadap istilah dan konsep audit syariah masih rendah. Pelajar-pelajar ini didapati masih tidak dapat membezakan di antara audit syariah dan audit konvensional. Selain itu, hasil dapatan kajian Yaacob dan Donglah (2012) juga mendapati pelajar-pelajar merasakan bahawa institusi kewangan Islam tidak melakukan promosi secukupnya untuk menggalakkan penglibatan individu dalam bidang audit syariah.

Menurut laporan akhbar dari Utusan Online (2014), Tan Sri Mohd Munir telah menyatakan bahawa di Malaysia masih tidak terdapat institusi pengajian yang menawarkan kursus dalam bidang audit syariah kepada para pelajar. Beliau turut

menegaskan bahawa Malaysia kekurangan bilangan juruaudit syariah bertauliah yang sangat ketara. Oleh yang demikian, adalah menjadi satu keperluan bagi pihak-pihak yang berkenaan menitik beratkan dan memberi penekanan terhadap bidang audit syariah ini. Bidang audit syariah ini seharusnya diberi pendedahan kepada pelajar-pelajar terlebih dahulu. Ini adalah kerana pelajar-pelajar berlatar belakangkan akademik perakaunan atau pengauditan cenderung untuk memilih kerjaya sebagai juruaudit apabila tamat pengajian (Yavas & Arsan, 1996; Yaacob & Donglah, 2012; Ali & Shafii, 2014).

Ali dan Shafii (2014) pula menyatakan bahawa walaupun bidang audit syariah di lihat sebagai elemen yang penting pada masa kini, namun begitu kesedaran dan pengetahuan mengenai apakah audit syariah dan bagaimanakah untuk melaksanakan audit syariah secara berkesan dan cekap dari perspektif modal insan, terutamanya dari segi pendidikan di peringkat universiti masih berada di tahap yang rendah. Penemuan hasil kajian oleh Ali dan Shafii (2014) juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang ketara antara pelajar yang terdedah kepada audit syariah dengan pelajar-pelajar yang tidak pernah terdedah dengan audit syariah. Oleh itu, penyelidik merasakan adalah menjadi satu keperluan bagi mengkaji aspek modal insan dari perspektif pendidikan bagi memenuhi keperluan dalam meningkatkan penglibatan juruaudit syariah di institusi kewangan Islam pada masa akan datang.

Pada pendapat penyelidik, kajian dari kursus lain seperti sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam adalah sesuatu yang menarik untuk dijadikan sampel kajian kerana ia boleh memberikan maklumat yang berguna terutama dalam menangani keperluan mahasiswa sebagai pihak yang berkepentingan di masa akan datang.

Penyelidik memilih pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam dari Universiti Utara Malaysia (UUM) adalah kerana kajian ke atas pelajar-pelajar daripada Universiti Utara Malaysia (UUM) tidak pernah dijalankan sebelum ini. Selain itu, berdasarkan silibus pembelajaran, mata pelajaran audit syariah tidak menjadi sebahagian subjek wajib atau pilihan kepada pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam.

Secara keseluruhannya, hasil kajian penyelidik-penyelidik terdahulu membuktikan bahawa Malaysia masih kekurangan penglibatan juruaudit syariah serta garis panduan yang tepat. Selain itu, penyelidik terdahulu juga mendapati bahawa kurangnya kesedaran dan pengetahuan di kalangan pihak berkepentingan iaitu pengguna dan pelabur bagi institusi kewangan Islam terhadap kepentingan audit syariah. Penyelidik terdahulu juga telah menyatakan Malaysia bukan sahaja kekurangan penglibatan juruaudit malah juruaudit yang sedia ada tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai audit syariah serta tidak cekap dan mahir dari perspektif modal insan.

Faktor-faktor ini telah menjadi di antara penyebab untuk penyelidik menjalankan kajian ini. Bagi pendapat penyelidik, perkara ini harus diberi perhatian oleh pihak yang berkenaan bagi meningkatkan penglibatan juruaudit audit syariah di masa akan datang. Berdasarkan pemerhatian penyelidik ke atas kajian-kajian yang terdahulu, adalah penting bagi penyelidik mengkaji dari aspek pendidikan di peringkat universiti. Ini adalah kerana pelajar-pelajar ini berkemungkinan akan menjadi peneraju kepada bidang audit syariah dan berkemungkinan juga pelajar-pelajar ini juga akan melibatkan diri dalam institusi kewangan Islam di masa akan datang (Yaacob &

Donglah, 2012; Ali & Shafii, 2014). Kajian ini dijangka menyumbang kepada aspek pengetahuan kerana Malaysia masih kekurangan penyelidikan kajian Islam kepada pendidikan audit syariah.

### 1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah, persoalan-persoalan kajian yang timbul adalah seperti berikut:

- i. Adakah terdapat perbezaan antara faktor demografi (jantina, umur, bangsa, dan tahun pengajian) dengan persepsi pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam di UUM terhadap audit syariah?
- ii. Adakah kesedaran mempunyai hubungkait dengan persepsi pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam di UUM terhadap audit syariah?
- iii. Adakah pengetahuan mempunyai hubungkait dengan persepsi pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam di UUM terhadap audit syariah?
- iv. Adakah modal insan mempunyai hubungkait dengan persepsi pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam di UUM terhadap audit syariah?

## 1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan persoalan kajian, objektif umum kajian adalah untuk mendapatkan persepsi pelajar sarjana terhadap kesedaran, pengetahuan dan modal insan terhadap audit syariah. Manakala objektif khusus kajian ini dijalankan adalah seperti berikut:

- i. Untuk mengenal pasti perbezaan faktor demografi (jantina, umur, bangsa, dan tahun pengajian) dengan persepsi pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam terhadap audit syariah.
- ii. Untuk mengenal pasti hubungan antara kesedaran dengan persepsi pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam di UUM terhadap audit syariah.
- iii. Untuk mengenal pasti hubungan antara pengetahuan dengan persepsi pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam di UUM terhadap audit syariah.
- iv. Untuk mengenal pasti hubungan antara modal insan dengan persepsi pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam di UUM terhadap audit syariah.



## 1.5 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai persepsi pelajar terhadap audit syariah pernah dikaji sebelum ini. Namun begitu, kajian yang dijalankan adalah sangat kurang. Oleh yang demikian, penyelidik memilih kajian ini, bagi penambahbaikan kajian-kajian yang lepas.

Dalam pemerhatian penyelidik, kajian sebelum ini di Malaysia telah mengkaji persepsi pelajar sarjana muda mengenai audit syariah dengan mengambil sampel kajian yang terdiri daripada dua buah universiti tempatan di mana pelajar dari Universiti A merupakan pelajar yang mengambil mata pelajaran audit syariah manakala pelajar daripada Universiti B terdiri daripada pelajar yang mengambil mata pelajaran audit konvensional. Oleh kerana kajian mengenai persepsi pelajar sarjana masih belum dijalankan di Malaysia, maka penyelidik telah membuat keputusan untuk mengkaji persepsi pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam terhadap audit syariah.

Penyelidik telah memilih skop kajian ke atas salah satu universiti di utara semenanjung yang dikenali sebagai Universiti Utara Malaysia bagi mengenal pasti hubungan antara kesedaran, pengetahuan dan modal insan dengan persepsi pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam terhadap audit syariah. Penyelidik memilih pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam daripada UUM adalah kerana kajian ke atas pelajar di UUM masih belum dijalankan sebelum ini. Selain itu, berdasarkan silibus pembelajaran di UUM, mata pelajaran audit syariah tidak terdapat di dalam silibus pembelajaran sama ada sebagai subjek wajib mahupun pilihan kepada para pelajar. Kajian yang dijalankan ke atas pelajar sarjana jurusan perbankan dan

kewangan Islam di UUM adalah penting kerana UUM juga menawarkan kursus berdasarkan pendidikan Islam kepada para pelajar selain Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Hasil kajian ini di harap dapat memberikan gambaran sebenar mengenai kesedaran, pengetahuan, dan modal insan dengan persepsi pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam terhadap audit syariah. Hasil kajian ini penting bagi menarik minat pelajar untuk mempelajari audit berlandaskan syariah Islam di samping membantu melahirkan lebih ramai juruaudit syariah di dalam institusi kewangan Islam pada masa hadapan. Selain itu, kajian ini juga di harap dapat memberi cadangan dan pemerhatian oleh pihak UUM bagi penambahbaikan silibus pembelajaran sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam dalam menarik lebih ramai pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran terutamanya dalam kursus yang melibatkan pengauditan syariah.

## **1.6 Skop Kajian**

Tumpuan kajian ini dijalankan oleh penyelidik adalah untuk mengenal pasti hubungan antara kesedaran, pengetahuan, dan modal insan dengan persepsi pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam terhadap audit syariah. Oleh yang demikian, penyelidik telah memilih skop kajian ke atas salah satu universiti yang terletak di utara semenanjung Malaysia yang dikenali sebagai Universiti Utara Malaysia (UUM). Penyelidik akan menjadikan pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam sebagai sampel kajian. Populasi bagi pelajar jurusan perbankan dan kewangan Islam adalah seramai 73 orang pelajar.

Kajian ini secara tidak langsung dapat memberi gambaran yang lebih jelas mengenai kepentingan dan keperluan audit syariah di institusi kewangan Islam di Malaysia pada masa hadapan menurut persepsi pelajar. Hal ini kerana pelajar-pelajar ini berkemungkinan akan memilih profession sebagai juruaudit di masa akan datang dan berkemungkinan mereka ini akan melibatkan diri dalam institusi kewangan Islam ini.

### **1.7 Batasan Kajian**

Kajian ini terbatas kepada responden yang merupakan pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam di Universiti Utara Malaysia sahaja. Oleh yang demikian, dapatan kajian hanya akan memberi gambaran mengenai persepsi pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam di Universiti Utara Malaysia mengenai tahap kesedaran, pengetahuan dan modal insan terhadap audit syariah.

Selain itu, keputusan kajian ini akan terbatas kepada tahap kejujuran dan keikhlasan responden dalam memberi maklum balas terhadap soalan-soalan yang diberi melalui borang soal kaji selidik bagi persepsi pelajar terhadap kesedaran, pengetahuan dan modal insan terhadap audit syariah. Tambahan pula, keputusan kajian juga terbatas kerana ianya bergantung kepada instrumen yang digunakan penyelidik dalam borang soal kaji selidik. Instrumen dalam bentuk soal kaji selidik tidak dapat memberikan gambaran sebenar serta maklumat yang diperlukan oleh penyelidik kerana ianya terhad kepada soalan yang disediakan. Jika instrumen digunakan oleh penyelidik berbeza, maka keputusan kajian juga mungkin berbeza.

## 1.8 Definisi Operasional

### i. Audit Syariah

Audit syariah merupakan satu penilaian berkala yang dijalankan dari semasa ke semasa, untuk memberi penilaian bebas dan jaminan objektif bagi menambah nilai serta meningkatkan tahap pematuhan operasi perniagaan institusi kewangan Islam dalam memastikan sistem dalaman perniagaan dijalankan mematuhi syariah Islam oleh juruaudit syariah (Bank Negara Malaysia, 2010). Kajian ini merujuk kepada audit syariah di institusi-institusi kewangan Islam.

### ii. Kesedaran

Kesedaran dikaitkan dengan pelbagai bentuk kawalan kognitif dan tingkah laku. Kesedaran biasanya boleh diperolehi melalui proses kognitif dan tingkah laku seperti laporan lisan, kawalan penumpuan, penaklukan, pemprosesan dan penyatuan memori (Bayne et. al., 2016). Dalam kajian ini, kesedaran merujuk kepada kesedaran pelajar-pelajar terhadap audit syariah.

### iii. Pengetahuan

Davenport & Prusak (2000), mendefinisikan pengetahuan sebagai ilmu yang diperolehi daripada pengalaman dan pemahaman, nilai-nilai, maklumat kontekstual, dan penyediaan rangka kerja untuk menilai dan menggabungkan pengalaman baru dan maklumat yang diterima. Aspek

pengetahuan di dalam kajian ini meliputi pengetahuan mengenai audit syariah.

**iv. Modal Insan**

Modal insan merujuk kepada pengetahuan, kemahiran dan pengalaman individu dan juga kesediaan individu untuk berkongsi sifat-sifat ini dengan organisasi untuk mewujudkan nilai (Baron, 2011). Dari perspektif audit syariah, modal insan merujuk kepada pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang perlu ada bagi juruaudit syariah.

**1.9 Kerangka Teoritikal Kajian**



Rajah 1.1  
*Kerangka Teoritikal Kajian*

## 1.10 Organisasi Kajian

Kajian ini terbahagi kepada lima bab di mana ianya hanya dijalankan ke atas pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam di Universiti Utara Malaysia sahaja bagi mendapatkan pandangan dan persepsi mereka terhadap audit syariah. Kajian ini diharap dapat membantu meningkatkan penglibatan juruaudit syariah di masa akan datang.

**Bab 1** akan membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian, batasan kajian, definisi operasional, dan kerangka teoritikal kajian.

**Bab 2** akan membincangkan ulasan karya berdasarkan kajian oleh penyelidik-penyelidik yang terdahulu yang melibatkan teori, konsep dan hasil dapatan kajian.

**Bab 3** kajian akan membincangkan mengenai kaedah penyelidikan yang akan digunakan bagi mencapai objektif kajian termasuklah reka bentuk hipotesis kajian, instrumen kajian dan teknik pengumpulan data kajian yang akan digunakan penyelidik.

**Bab 4** pula akan membincangkan hasil daripada kajian dalam bentuk analisis statistik deskriptif dan analisis statistik inferensi. Bagi analisis statistik deskriptif penyelidik akan menggunakan nilai kekerapan dan peratusan manakala bagi analisis statistik inferensi penyelidik akan menggunakan ujian analisis sampel *t*-bebas (*Independent t*-

*test*), ujian hubungan satu hala ANOVA (*one way ANOVA*), ujian analisis Kolerasi Pearson (*Pearson Correlation*), dan ujian analisis berganda (*Multiple regression*).

**Bab 5** akan membincangkan hasil daripada dapatan kajian, implikasi kajian, cadangan kajian akan datang dan kesimpulan.



## **BAB DUA**

### **ULASAN KARYA**

#### **2.0 Pendahuluan**

Bab ini akan menerangkan secara khusus maksud kesedaran, pengetahuan, modal insan, audit, audit syariah, dengan persepsi pelajar berdasarkan kepada kajian-kajian lepas. Kajian-kajian yang terdahulu dijadikan sebagai bahan bukti emperikal oleh penyelidik untuk mendapat maklumat yang diperlukan bagi mengkaji persepsi pelajar terhadap audit syariah oleh penyelidik di mana kajian ini meliputi kajian yang dijalankan di dalam Malaysia dan juga luar Malaysia. Kajian ini melibatkan dua pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Pemboleh ubah bersandar bagi kajian ini adalah persepsi pelajar terhadap audit syariah dan manakala pemboleh ubah tidak bersandar adalah terdiri daripada kesedaran, pengetahuan, dan modal insan.

#### **2.1 Kesedaran**

Kesedaran adalah sesuatu perkara yang dapat difahami oleh setiap individu. Namun begitu, ahli-ahli sains dan ahli falsafah masih berjuang untuk memberikan definisi yang tepat bagi menerangkan apakah yang dimaksudkan dengan kesedaran. Setiap individu mempunyai pengetahuan terhadap apa yang dimaksudkan dengan kesedaran.

Kesedaran merupakan satu elemen yang penting bagi mengetahui tahap kualiti hidup



seseorang individu berdasarkan kepada pengalaman hidup. Malah, kesedaran merupakan salah satu cara yang berkesan dalam mengingati setiap kenangan dan tindakan yang dilakukan oleh individu (Dehaene, 2014).

Kesedaran di definisikan secara berbeza oleh penyelidik-penyelidik berdasarkan kajian lepas. Salah satu definisi kesedaran berdasarkan kajian lepas adalah merujuk kepada keupayaan untuk membuat sesuatu keputusan dengan lebih baik daripada melakukan sesuatu perkara secara kebetulan atau berdasarkan keputusan yang dibuat secara paksaan tanpa pilihan di mana individu tidak mengetahui sebarang kebaikan atau keburukan apabila keputusan telah di buat (Merikle, 1984).

Takrif lain kesedaran yang dicadangkan oleh Henley (1984) adalah kesedaran merujuk kepada perkara subjektif dengan laporan sendiri iaitu sebagai pemerhati. Henley (1984) membuat kesimpulan bahawa objektif kesedaran membawa kepada langkah yang lebih baik yang diperlukan untuk membezakan perkara subjektif seperti "*melihat*" atau "*tidak melihat*".

Kajian pertama mengenai kesedaran pelajar terhadap audit syariah di Malaysia telah dilaksanakan oleh penyelidik Ali dan Shafii (2014) di mana penyelidik mendapati tahap kesedaran para pelajar sarjana muda di dua buah universiti di Malaysia terhadap audit syariah di perbankan Islam telah menunjukkan keputusan kajian di mana sebanyak 23.9% pelajar sarjana muda daripada Universiti A sedar akan terma audit syariah sebaliknya responden daripada universiti B tidak pernah sedar akan kewujudan audit syariah. Penemuan hasil kajian ini adalah konsisten dengan hasil kajian oleh Yaacob dan Donglah (2012) ke atas pelajar pascasiswazah di Brunei

memandangkan majoriti daripada mereka (70%) tidak sedar akan terma audit syariah.

Selain itu, Yaacob, Shafeek dan Nahar (2013) juga telah mengkaji mengenai kefahaman pelajar sarjana muda mengenai asas audit syariah. Hasil kajian menunjukkan 70% pelajar menegaskan bahawa mereka tidak sedar audit syariah boleh di jadikan sebagai salah satu kerjaya mereka. Namun begitu sebanyak 60% pelajar bercadang untuk mempertimbangkan kerjaya sebagai juruaudit syariah sebaik sahaja tamat pengajian.

## 2.2 Pengetahuan

Pengetahuan secara umumnya merujuk kepada pemahaman asas seseorang ke atas sesuatu perkara sama ada berkaitan dengan maklumat atau proses tertentu (Ali et. al., 2015). Selain itu, pengetahuan seperti yang dipetik dalam kajian "*The design of a study environment for acquiring academic and professional competence*" oleh Kirschner et. al., (1997) merujuk kepada pelbagai maksud di antaranya mengetahui sesuatu perkara (Olson, 1976; Salomon, 1981), pengetahuan deklaratif (Anderson, 1980; Dillon, 1986), konsep pengetahuan (Posner & Keele, 1973), pengetahuan usulan (Greeno, 1980), pengetahuan lisan (White & Mayer, 1980) dan pengetahuan substantif (Gardner, 1975).

Walaupun bagaimanapun, kesemua maksud-maksud ini mempunyai persamaan iaitu pengetahuan merupakan perwakilan fakta, konsep, prinsip, prosedur atau teori tertentu (Kirschner et. al., 1997). Selain itu, Kirschner et. al. (1997) menegaskan bahawa ciri-ciri pengetahuan ini masih sama dan kekal walaupun penyelidik terdahulu

memberi tafsiran yang berbeza mengenai maksud pengetahuan. Pengetahuan dikategorikan sebagai satu proses pembelajaran, mengingati atau menghasilkan maklumat yang berguna. Ilmu pengetahuan adalah sesuatu yang substantif (mempunyai kandungan khusus) dan salah satu ciri unik pengetahuan adalah ia dapat menunjukkan sama ada individu itu mendapat pendidikan atau tidak mendapat pendidikan (Kirschner et. al., 1997).

Nonaka dan Takeuchi (1995) seperti yang dipetik dalam jurnal Masrek dan Zainol (2015) telah mengklasifikasikan pengetahuan kepada dua iaitu pengetahuan tersurat dan tersirat. Pengetahuan tersurat dikaitkan dengan perspektif peribadi, gerak hati, emosi, kepercayaan, pengetahuan, pengalaman dan nilai-nilai (Nonaka & Takeuchi, 1995). Selain itu, pengetahuan tersirat adalah tidak ketara dan tidak mudah untuk dinyatakan dengan jelas, sehingga sukar untuk dikongsi dengan orang lain (Nonaka & Takeuchi, 1995). Sebagai perbandingan, pengetahuan tersurat atau pengetahuan yang jelas mempunyai dimensi yang nyata yang lebih mudah difahami dan disampaikan (Nonaka & Takeuchi, 1995). Penciptaan pengetahuan merujuk kepada keupayaan seseorang individu atau organisasi untuk membuat novel, memberikan pandangan yang bernas dan menyelesaikan masalah (Masrek & Zainol, 2015).

Bonner dan Walker (1994) dalam kajian mereka menegaskan bahawa pengetahuan mengenai audit boleh di perolehi melalui kombinasi pembelajaran dan pengalaman. Terdapat dua teori pengetahuan yang membuat perbezaan berguna iaitu pengetahuan deklaratif dan pengetahuan prosedural di mana kedua-duanya penting untuk meningkatkan prestasi dalam tugas-tugas mahir seperti bidang pengauditan. Pengetahuan deklaratif ialah pengetahuan tentang fakta dan definisi manakala

pengetahuan prosedural terdiri daripada kaedah-kaedah atau langkah-langkah yang diperlukan untuk melaksanakan tugas-tugas mahir. Mereka juga menegaskan bahawa dalam bidang pengauditan, pengetahuan asas biasanya diperoleh melalui pendidikan formal, dan pengetahuan prosedural diperoleh melalui kerjaya profesional seseorang (Bonner & Walker, 1994).

Dalam konteks audit syariah, pengetahuan yang diperolehi boleh menjadi pengetahuan umum dan khusus. Pengetahuan umum boleh dirujuk kepada kurikulum formal berdasarkan sukatan pelajaran yang graduan perolehi sepanjang pengajian di universiti (Ali et. al., 2015). Menurut Ali et. al. (2015) dalam kajiannya bagi mengkaji kecekapan juruaudit syariah di Malaysia, pengetahuan umum biasanya diperolehi melalui pendidikan di universiti. Ali et. al. (2015) juga menegaskan bahawa universiti tempatan memainkan peranan penting dalam menyumbang dan menjana graduan daripada pelbagai bidang yang berkaitan dengan keperluan sumber manusia dalam perbankan Islam terutamanya Perbankan, Perakaunan, Kewangan dan Syariah.

Namun begitu, menurut Ali et. al. (2015), pada ketika ini hanya satu universiti tempatan sahaja di Malaysia iaitu Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang memberi pendedahan terhadap pelajar-pelajar mengenai audit syariah dengan menawarkan mata pelajaran audit syariah (*Al-tahqiq Al-Shari'e*) sebagai sebahagian daripada kurikulum ijazah perakaunan selain menawarkan subjek *Fiqh Muamalat* kepada pelajar perakaunan mereka. Selain itu, Ali et. al. (2015) juga menyatakan bahawa walaupun Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) terlebih dahulu dikenali sebagai universiti tempatan pertama yang menyediakan asas yang kuat ke atas produk kewangan Islam melalui mata pelajaran Fiqh Muamalat dan Perakaunan Islam kepada

pelajar jurusan ijazah Perakaunan mereka, namun UIAM tidak menawarkan mata pelajaran khusus berkaitan audit syariah seperti mana yang ditawarkan oleh USIM kepada pelajar-pelajar jurusan perakaunan.

Berdasarkan ulasan karya oleh Ali et. al. (2015), juruaudit dilihat memainkan peranan yang penting dalam memastikan urusan perniagaan institusi kewangan Islam dijalankan berlandaskan syariah Islam kerana institusi kewangan Islam ini semakin berkembang pesat bukan sahaja di Malaysia malah secara global. Namun begitu, penglibatan juruaudit yang mahir dalam bidang syariah di Malaysia amatlah kurang (Kassim, Mohamad Ibrahim & Sulaiman, 2009)

Oleh yang demikian, berdasarkan kajian-kajian oleh penyelidik lepas, adalah penting bagi badan-badan tertentu seperti kementerian pendidikan memastikan proses pembelajaran dan sukatan pelajaran audit syariah diperluaskan lagi di lain-lain universiti awam mahupun swasta selain USIM dan UIAM. Ini bertujuan bagi memastikan pelajar mendapat pendedahan dan pengetahuan yang mencukupi dalam bidang audit syariah dalam usaha melahirkan lebih ramai juruaudit syariah yang cekap dan berpengetahuan melalui pendidikan yang diterima semasa di peringkat universiti di masa akan datang (Ali & Shafii, 2014).

### **2.3 Modal Insan**

Salah satu aspek yang sepatutnya tidak diabaikan dalam melaksanakan audit syariah adalah keperluan untuk mempunyai modal insan yang cekap (*competence*) berhubung dengan kemahiran audit dan syariah. Modal insan merupakan aset penting bagi

sesebuah organisasi dan juga negara. Ini kerana modal insan dapat membantu pertumbuhan dan melahirkan individu yang cekap dalam melaksanakan tugas harian mereka.

Terdapat pelbagai tafsiran yang digambarkan oleh penyelidik mengenai maksud modal insan. Teori modal insan oleh Becker (1964; 1993) seperti yang dipetik dalam kajian Nakhata (2007) menegaskan bahawa individu yang mempunyai sifat-sifat modal insan memiliki prestasi kerja yang lebih berkualiti tinggi dalam melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan. Modal insan dibangunkan melalui latihan formal dan pendidikan yang bertujuan untuk mengemaskini dan memperbaharui keupayaan seseorang individu untuk berjaya dalam masyarakat (Nakhata, 2007).

Modal insan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran, kemampuan dan lain-lain sifat yang dimiliki oleh seorang individu dimana sifat-sifat ini dapat membantu dalam meningkatkan aktiviti ekonomi sesebuah organisasi mahupun negara (OECD, 1998:9). Menurut Natt et. al. (2009), pengetahuan, kemahiran, dan kecekapan merupakan tiga elemen utama yang diperlukan oleh seorang individu dalam pembangunan modal insan. Beliau juga menegaskan modal insan juga memainkan peranan yang penting dalam memberikan impak yang positif kepada ekonomi sesebuah organisasi dan negara. Walaubagaimanapun, modal insan yang dimiliki individu haruslah merujuk kepada sikap dan sifat positif individu yang dipupuk melalui etika dan nilai-nilai moral (Natt et. al., 2009). Natt et. al. (2009) juga berpendapat bahawa dengan sifat-sifat positif ini, maka terbentuklah pembangunan modal insan yang seimbang dan holistik serta dapat dijadikan aset besar kepada organisasi dan masyarakat.

Selain itu, kemahiran dan kecekapan merupakan dua sifat utama individu yang memainkan peranan penting untuk digunakan oleh individu semasa melaksanakan tugas-tugas harian di organisasi yang mereka berkhidmat (Hitt et. al., 2001). Malah, aspek modal insan akan menjadi aset penting yang akan menyumbang kepada peningkatan prestasi dan produktiviti sesebuah institusi sekaligus membawa kepada pertumbuhan ekonomi secara menyeluruh (Natt et. al., 2009). Dengan itu, modal insan dilihat menjadi satu keperluan penting dalam organisasi bagi melahirkan individu yang cekap dan mahir dalam melaksanakan tugas-tugas sebagai juruaudit syariah (Laldin, 2011 seperti dipetik dalam kajian Ali et. al., 2015). Oleh yang demikian, dalam usaha melahirkan individu yang cekap bagi menerajui inovasi produk dan perkhidmatan kewangan Islam, aspek modal insan merupakan faktor yang amat penting untuk diberi perhatian oleh organisasi.

Satu kajian di Malaysia oleh Abdullah dan Zakaria (2006) di dua buah universiti tempatan iaitu Universiti Malaya dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dengan melibatkan sampel kajian lebih daripada 200 orang pelajar perakaunan tahun ketiga menunjukkan bahawa peluang kedudukan dan kemajuan kerjaya pelajar menjadi keperluan utama yang ingin dilihat oleh firma-firma perakaunan awam. Hasil dapatan kajian oleh Abdullah dan Zakaria (2006) boleh membantu firma perakaunan awam dalam dasar membangun bagi mengrekrut individu yang berkualiti untuk menyertai firma audit. Selain itu, pentadbiran universiti awam juga boleh menggunakan maklumat ini untuk menyediakan graduan mereka dengan nilai tambah pengetahuan seperti pengetahuan dalam audit syariah berdasarkan kehendak majikan sama ada dalam industri perbankan, institusi kewangan Islam atau perbankan konvensional dengan anak syarikat perbankan Islam

(Abdullah & Zakaria, 2006).

Selain itu, Cheng, Liu dan Chien (2009) dalam kajian yang berjudul “ *The Association between Auditor Quality and Human Capital*” berdasarkan pemerhatian dengan menggunakan sampel kajian sebanyak 4,865 dalam tempoh 15 tahun (1989-2004) untuk mengenal pasti hubungan antara modal insan dan kualiti juruaudit, mendedahkan bahawa pelaburan yang lebih tinggi dalam modal insan sesuai dengan tahap yang lebih tinggi kualiti juruaudit. Shafie, Salleh, Hanefah dan Yusoff (2013) pula menegaskan bahawa audit yang berjaya bergantung kepada kekuatan sumber manusia. Sebagai contoh, individu harus mempunyai kepakaran dalam bidang yang diceburi untuk menentukan pelan kerja dan mengkaji semula setiap keputusan yang dibuat (Shafii, Salleh, Hanefah & Yusoff, 2013).

Menurut Ali dan Shafii (2014) latihan mengenai konsep-konsep audit syariah adalah sesuatu yang menjadi keperluan penting dan perlu diberi perhatian oleh pihak yang berkenaan kerana kebanyakan pegawai-pegawai bank terdiri daripada mereka yang telah dilatih daripada latar belakang perbankan konvensional. Oleh itu, mereka tidak memahami bagaimana untuk mengaplikasikan konsep dan memberikan penjelasan yang benar dan tepat mengenai produk-produk perbankan kewangan Islam kepada pelanggan mereka (Ali & Shafii, 2014). Selain itu, cabaran kepada para ulama dan ahli akademik semasa adalah untuk memastikan graduan perakaunan pada masa akan datang didedahkan dengan ilmu audit syariah sebelum mereka memulakan kerjaya di bidang audit syariah (Ali & Shafii, 2014).

Hujah ini juga disokong oleh kajian pada 15 institusi perbankan oleh Price Waterhouse



Cooper (2011) di mana dalam kajian mereka mendapati bahawa terdapatnya keperluan untuk mengembangkan bakat dalam bidang audit syariah dari aspek pengetahuan dan kecekapan. Bagi memastikan masyarakat terdedah dengan bidang audit syariah dari aspek pengetahuan dan kecekapan, pendidik haruslah diberi latihan secara khusus dalam bidang audit syariah dan mahir akan isu-isu berkaitan syariah (Ali & Shafii, 2014). Ini kerana pendidik memainkan peranan yang besar untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar di peringkat universiti (Ali & Shafii, 2014). Oleh yang demikian, berdasarkan penemuan empirikal sebelum ini, penyelidik merasakan ianya adalah satu keperluan untuk mengkaji dengan lebih meluas mengenai bidang audit syariah bagi penambahbaikan kursus yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar universiti.

#### 2.4 Audit

Alvin A. Arens et. al. (2008), mendefinisikan audit sebagai pengumpulan dan penilaian bukti terhadap maklumat yang diberikan dalam menentukan dan melaporkan persamaan di antara maklumat yang diterima dengan kriteria yang telah ditetapkan kepada pihak-pihak berkepentingan. Kerja-kerja pengauditan haruslah dijalankan oleh juruaudit yang cekap dan bebas (*competent and independence*). Audit juga ditakrifkan sebagai pemeriksaan yang objektif dan sistematik terhadap setiap aktiviti dan urus tadbir perniagaan untuk menyediakan penilaian bebas mengenai prestasi dan pengurusan aktiviti harian organisasi serta memberikan maklumat, pemerhatian dan cadangan bagi memperbaiki urus tadbir organisasi (Public Commission of Canada, 2005).

Tandon (1999) seperti yang dipetik dalam kajian yang dijalankan oleh Uddin, Ullah dan Hossain (2013) telah mendefinisikan audit sebagai satu pemeriksaan yang bebas dan pernyataan pendapat ke atas penyata kewangan sesebuah organisasi oleh juruaudit bebas menurut pelantikannya dan mematuhi setiap obligasi berkanun yang berkaitan ketika melaksanakan tugas. Selain itu, Uddin, Ullah dan Hossain (2013) juga menyatakan bahawa pemeriksaan audit yang kritikal juga harus dilaksanakan oleh juruaudit yang telah dilantik untuk memeriksa penyata kewangan yang disediakan oleh pihak ketiga.

Menurut Soltani (2007), objektif utama audit adalah bertujuan untuk mengaudit penyata kewangan bagi membolehkan juruaudit untuk menyatakan pendapat sama ada penyata kewangan yang disediakan adalah berdasarkan maklumat-maklumat yang telah disahkan dan tepat daripada pelbagai aspek material dan mengikut rangka kerja laporan kewangan yang telah ditetapkan.

Rangka kerja (*framework*) merujuk kepada prinsip perakaunan yang diterima umum (*GAAP*) seperti *US General Accepted Accounting Principles (GAAP)* atau setara di negara-negara lain untuk di jadikan sebagai garis panduan. Selain GAAP, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (*IFRS*) yang dikeluarkan oleh Piawaian Badan Perakaunan Antarabangsa (*IASB*) juga boleh di jadikan panduan dalam memastikan pengauditan laporan kewangan adalah berdasarkan rangka kerja yang telah ditetapkan (Soltani, 2007).

Penyata kewangan merujuk kepada penyata kedudukan kewangan organisasi, penyata pendapatan dan penyata aliran tunai, termasuk "*footnotes*" yang disertakan. Di antara

ungkapan-ungkapan yang digunakan untuk menyatakan pendapat juruaudit adalah “memberi gambaran yang benar dan saksama”(give a true and fair view) atau “adil dalam semua aspek material” (present fairly, in all material respects) yang setara (Soltani, 2007).

Dalam menentukan sama ada penyata kewangan adalah “di nyatakan dengan saksama” atau “memberi gambaran yang benar dan saksama” mengikut kriteria tertentu, juruaudit akan melakukan ujian yang bersesuaian dalam menentukan sama ada penyata kewangan mengandungi kesilapan atau salah nyata yang lain (Soltani, 2007). Pendekatan bersepadu untuk pengauditan menganggap kedua-dua risiko kesilapan dan kawalan operasi bertujuan untuk mengelakkan kesilapan (Soltani, 2007). Menurut Soltani (2007), secara keseluruhan, objektif audit melibatkan empat perkara iaitu:

- i) Untuk menilai sama ada penyata kewangan dan “footnotes” yang disertakan adalah mengikut kriteria yang telah ditetapkan.
- ii) Untuk menilai keberkesanan dan kesesuaian sistem kawalan dalaman ke atas laporan kewangan.
- iii) Untuk menilai kemungkinan berlakunya penipuan di dalam organisasi.
- iv) Untuk menilai kemungkinan bahawa organisasi akan beroperasi berterusan.

### 2.4.1 Jenis-jenis Audit

Audit biasanya dilakukan kepada tiga pihak yang dikenali sebagai pihak institusi, pihak pemberi dan badan pengawasan. Ketiga-tiga pihak ini, melakukan audit bagi tujuan pengesahan atau pensijilan. Terdapat tiga jenis audit seperti di nyatakan oleh Alvin A. Arens et. al (2008), iaitu:

**i. Audit Operasi (*Operational Audit*)**

Audit operasi merupakan satu penilaian untuk melihat kecekapan dan keberkesanan di dalam operasi organisasi meliputi prosedur dan kaedah yang digunakan di dalam organisasi bagi menjalankan operasi harian organisasi.

**ii. Audit Pematuhan (*Compliance Audit*)**

Audit pematuhan adalah untuk menentukan adakah operasi organisasi atau perkhidmatan kepada pelanggan dilakukan mengikut dan memenuhi prosedur, peraturan, dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pengamal perakaunan ataupun mandat organisasi. Pematuhan audit untuk perniagaan sendiri adalah seperti berikut:

- a) Menentukan sama ada perakaunan personel mengikut prosedur yang telah di buat oleh pengawal organisasi.
- b) Menilai semula kadar gaji mengikut kadar gaji minimum ditetapkan oleh undang-undang.

- c) Memeriksa kontrak yang dipersetujui dengan pihak bank dan lain-lain peminjam bagi memastikan organisasi telah mengikut kehendak undang-undang.

**iii. Audit Penyata Kewangan (*Financial Statement Audit*)**

Audit penyata kewangan merupakan audit yang dijalankan untuk menentukan dan memeriksa sama ada keseluruhan penyata kewangan (maklumat kewangan yang telah dikenal pasti) di nyatakan mengikut spesifik kriteria yang telah ditetapkan.

## **2.5 Audit Syariah**

Audit syariah merupakan bidang yang mempunyai persamaan seperti pengauditan konvensional. Perkara yang membezakan kedua-dua bidang adalah dari segi pengauditannya di mana audit syariah merupakan pemeriksaan ke atas sesebuah organisasi yang dijalankan berlandaskan syariah Islam bagi memastikan laporan audit bebas daripada unsur-unsur bertentangan Islam seperti riba, gharar (*ketidakpastian*), dan maisir (*perjudian*).

Terpadapat pelbagai maksud audit syariah telah ditafsirkan oleh penyelidik dalam kajian-kajian yang terdahulu. Salah satu maksud audit syariah seperti yang di nyatakan oleh Bank Negara Malaysia dalam Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah (2010) membawa erti audit syariah sebagai satu penilaian berkala yang dijalankan dari semasa ke semasa, untuk memberi penilaian bebas dan jaminan objektif bagi menambah nilai serta meningkatkan tahap pematuhan operasi perniagaan institusi

kewangan Islam dalam memastikan sistem dalaman perniagaan dilaksanakan mematuhi kehendak syariah Islam oleh juruaudit syariah.

Manakala Syarikah al-Rajhi al-Masrafiyyah lil Istismar seperti yang dipetik dalam kajian mengenai “*Audit syariah dalam institusi kewangan Islam di Malaysia*” oleh Abdul Razak dan Omar (2008) mentakrifkan audit syariah sebagai pihak yang bertanggungjawab dan diamanahkan untuk mengeluarkan laporan yang telus, benar dan tepat dalam memastikan institusi kewangan Islam menjalankan aktiviti perniagaan yang berlandaskan syariah Islam mengikut keputusan yang ditetapkan oleh Majlis Pengawasan Syariah.

Haniffa (2010) pula mentakrifkan audit syariah sebagai satu proses yang sistematik bagi mencapai objektif dalam mendapatkan dan menilai bukti-bukti mengenai dakwaan terhadap tindakan dan peristiwa agama dan sosio-ekonomi untuk menentukan hubungkait antara kenyataan dan rangka kerja laporan kewangan termasuk kriteria-kriteria yang berlandaskan prinsip syariah seperti yang telah ditentukan oleh badan pengawasan syariah, serta hasil laporan akan dimaklumkan kepada semua pihak yang berkepentingan.

Selain pada itu, Mohuiddin (2012) pula telah mendefinisikan audit syariah sebagai satu pemeriksaan pematuhan ke atas institusi kewangan Islam dalam menjalankan urusanniaga berlandaskan syariah di dalam semua aktiviti urusanniaga harian terutamanya yang melibatkan penyata kewangan dan lain-lain komponen operasi yang tertakluk kepada risiko pematuhan termasuk produk, teknologi yang menyokong operasi perniagaan, proses operasi, individu yang terlibat dalam risiko urus tadbir harian

perniagaan, dokumentasi dan kenalan, polisi, prosedur serta lain-lain aktiviti yang memerlukan pematuhan kepada prinsip-prinsip syariah Islam.

Rahman (2008) telah mendefinisikan audit syariah sebagai pengumpulan dan penilaian bukti untuk menentukan dan melaporkan tahap pertalian di antara maklumat yang diterima dan pembentukan kriteria bagi tujuan pematuhan syariah. Hameed (2008), dalam kajiannya bagaimanapun telah memberi takrifan audit syariah dengan lebih meluas di mana ianya meliputi aspek persekitaran selain menyentuh aspek-aspek agama dan sosio-ekonomi seperti yang ditakrifkan oleh Haniffa (2010). Menurut beliau, audit syariah merupakan satu proses objektif yang sistematik dalam mendapatkan dan menilai bukti-bukti yang melibatkan dakwaan terhadap sosio-ekonomi, agama, tindakan persekitaran dan peristiwa dalam menentukan hubungan di antara kenyataan dan syariat Islam serta hasil laporan pengauditan haruslah dilaporkan kepada para pelabur dan pengguna (Hameed, 2008).

AAOIFI (2010) mentakrifkan audit syariah sebagai satu pemeriksaan pematuhan syariah ke atas institusi kewangan Islam yang melibatkan setiap aktiviti urus tadbir organisasi. Pemeriksaan ini termasuk pemeriksaan audit ke atas kontrak, perjanjian, polisi, produk, transaksi, memorandum dan persatuan, penyata kewangan, laporan daripada audit dalaman dan pemeriksaan daripada bank pusat, pekeliling dan lain-lain (AAOIFI, 2010). Oleh yang demikian, audit syariah dapat dilihat sebagai satu mekanisme dan juga satu proses yang sangat komprehensif dan lengkap untuk memastikan status pematuhan syariah oleh institusi-institusi kewangan Islam.

Uddin, Ullah dan Hossain (2013) mendefinisikan audit syariah sebagai pengiraan, pemeriksaan, dan pengawasan kerja-kerja dan amalan individu sama ada yang berkaitan dengan kerja seperti penyediaan akaun mahupun amalan yang baik oleh individu bagi memastikan laporan pengauditan lengkap dan tepat mengikut syariah Islam.

Walaupun setiap definisi audit syariah yang ditakrifkan oleh penyelidik adalah berbeza, namun begitu objektif sebenar audit syariah yang dijalankan adalah sama. Di mana audit syariah dapat disimpulkan sebagai satu pemeriksaan ke atas sesebuah organisasi berdasarkan kepada urus tadbir harian perniagaan dalam memastikan organisasi-organisasi yang menjalankan urusanniaga berlandaskan syariah Islam ditadbir mengikut prinsip-prinsip Islam dan hukum syarak.

Setiap aktiviti yang dilakukan oleh individu mempunyai objektif yang tersendiri untuk menjawab setiap persoalan kenapa dan mengapa aktiviti harus dilakukan. Begitu juga dengan bidang pengauditan yang dilakukan oleh juruaudit. Aktiviti pengauditan sama ada dari perspektif syariah Islam ataupun konvensional yang dilakukan oleh setiap juruaudit mempunyai objektif yang tersendiri dalam memastikan matlamat pengauditan tercapai.

Hanefah et. al. (2014) menyatakan bahawa objektif umum yang harus dititik beratkan oleh juruaudit yang menjalankan tugas audit syariah adalah memastikan setiap aktiviti institusi kewangan Islam mematuhi kehendak syariah. Namun begitu, ianya bergantung juga kepada bagaimana cara pihak pengurusan memberi arahan atau apakah undang-undang yang telah diguna pakai oleh institusi kewangan Islam



tersebut dalam memastikan aktiviti yang dijalankan adalah mengikut syariah Islam (Hanefah et. al., 2014),

Menurut Hanefah et. al. (2014), objektif audit syariah haruslah merangkumi dua asas utama iaitu pematuhan kepada prinsip-prinsip Islam dan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan. Bagi memastikan institusi kewangan Islam ini menjalankan perniagaan berlandaskan syariat Islam, juruaudit haruslah memastikan bahawa objektif-objektif berikut dicapai iaitu:

i. Pemerhatian terhadap larangan dalam undang-undang Islam:

a. Aktiviti dan operasi perniagaan institusi kewangan Islam tidak melibatkan riba.

b. Aktiviti dan operasi perniagaan institusi kewangan Islam tidak melibatkan unsur-unsur maisir (*perjudian*).


c. Aktiviti dan operasi perniagaan institusi kewangan Islam tidak melibatkan unsur-unsur gharar (*ketidakpastian*).

d. Aktiviti dan operasi perniagaan institusi kewangan Islam tidak melibatkan perkara-perkara yang melanggar kepada syariat Islam.

- ii. Terma dan syarat kontrak haruslah memenuhi kehendak syariah. Jika sebahagian besar terma dan syarat di dalam kontrak dikenalpasti tidak mematuhi kehendak syariah Islam, ini menunjukkan bahawa kontrak tidak memenuhi tuntutan syariah.
- iii. Prinsip-prinsip muamalat yang digunakan haruslah bersesuaian dengan aktiviti dan operasi perniagaan institusi kewangan Islam.
- iv. Aktiviti dan operasi perniagaan institusi kewangan Islam haruslah memenuhi “*Maqasid Syariah*”.

Manakala AAOIFI (2010), menegaskan bahawa objektif audit syariah adalah untuk membolehkan juruaudit memberikan pendapat setelah menjalankan tugas pengauditan iaitu seperti memberikan pendapat mengenai adakah penyata kewangan organisasi telah disediakan mengikut semua aspek material serta mematuhi hukum-hukum dan prinsip-prinsip syariah Islam, piawaian perakaunan dan pengauditan untuk institusi kewangan Islam dan juga memastikan adakah penyata kewangan disediakan mempunyai persamaan dengan piawaian perakaunan lain-lain negara yang turut mempunyai institusi-institusi kewangan Islam.

### 2.5.1 Skop Audit Syariah



Rajah 2.1

#### ***Skop Audit Syariah***

Sumber: Governance and Shariah Audit in Islamic Financial Institutions.

Audit syariah telah diperkenalkan sebagai salah satu mekanisme yang berfungsi bagi memastikan institusi kewangan Islam menjalankan urus tadbir perniagaan dengan mematuhi prinsip-prinsip Islam dan syariah seperti yang telah ditetapkan oleh BNM pada tahun 2010 di dalam Rangka Kerja Urus Tadbir Syariah (Hanefah et. al., 2014) Oleh yang demikian, adalah penting bagi juruaudit melaksanakan tugas pengauditan berdasarkan skop-skop yang telah ditetapkan.

Terdapat beberapa pandangan mengenai skop dalam bidang audit syariah menurut kajian-kajian yang lepas. Salah satu skop yang ditekankan dalam buku yang ditulis oleh Hanefah et. al. (2014) melibatkan tiga elemen utama pengauditan iaitu:

i. Audit penyata kewangan :

Juruaudit perlu melaksanakan audit penyata kewangan untuk mengesahkan bahawa pengurusan institusi kewangan Islam telah menjalankan kewajipan fidusiarinya berlandaskan syariah Islam untuk memaksimumkan kepentingan nilai pemegang daripada sumber yang diamanahkan.

ii. Pematuhan audit struktur organisasi, individu, proses, dan aplikasi sistem teknologi maklumat :

Dari segi operasi, audit syariah harus meliputi audit bagi proses, prosedur, teknologi maklumat, struktur organisasi, dan sumber manusia di mana setiap sistem yang diguna pakai oleh institusi-institusi kewangan Islam seperti sistem pemprosesan transaksi, sistem maklumat perakaunan, dan lain-lain sistem hendaklah merupakan aplikasi yang mematuhi syariah Islam.

iii. Kajian semula proses urus tadbir syariah:

Juruaudit membuat hasil kajian semula proses urus tadbir syariah dan memberikan cadangan untuk memperbaiki dan mempertingkatkan proses urus tadbir syariah dan institusi-institusi kewangan Islam.

Yahya dan Mahzan (2012) pula di dalam kajiannya telah membincangkan mengenai skop audit syariah dengan memberikan pendapat yang berbeza di mana mereka menegaskan bahawa skop bagi pengauditan rangka kerja Islam adalah lebih besar berbanding skop pengauditan konvensional. Skop audit syariah bukan sahaja meliputi pemeriksaan terhadap dakwaan dan kuasa laporan ke atas pelbagai masalah sosial dan ekonomi di dalam sesebuah organisasi malah skop audit syariah juga meliputi

pemeriksaan nilai-nilai masyarakat dan pematuhan prinsip-prinsip syariah Islam (Yahya & Mahzan, 2012).

Kenyataan Yahya dan Mahzan (2012) disokong oleh AAOIFI (2010) yang juga menyatakan bahawa skop audit syariah lebih meluas daripada skop konvensional audit. AAOIFI (2010) pula mendefinisikan skop audit syariah sebagai satu keperluan prosedur audit yang harus dipatuhi juruaudit semasa melaksanakan tugas pengauditan bagi memastikan objektif audit bagi institusi kewangan Islam dapat dicapai.

### **2.5.2 Kepentingan Audit Syariah**

Peningkatan secara global institusi kewangan Islam pada hari ini telah menunjukkan bahawa perlunya dan pentingnya bidang audit syariah di perluas dan diberikan penekanan oleh setiap organisasi bagi memastikan urusan perniagaan yang dilaksanakan berlandaskan syariah Islam menepati prinsip-prinsip dan hukum syarak yang telah ditetapkan.

Tan Sri Dr. Zeti Abdul Aziz, gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), menyatakan dalam ucapannya di Doha, Qatar bahawa BNM kini memberi lebih penekanan dan perhatian dalam memastikan operasi dan urus tadbir perniagaan adalah berlandaskan syarak dan syariat Islam dengan menjadikan sektor pengauditan sebagai mekanisme dalam memperkuat serta menterjemahkan nilai-nilai Islam yang diterapkan oleh sesebuah organisasi dalam urus tadbir dan operasi perniagaan (Abdul Razak & Omar, 2008). Tan Sri Dr. Zeti Abdul Aziz juga, menekankan bahawa ciri-ciri utama sistem kewangan Islam adalah terletak kepada nilai etika yang dilaksanakan oleh sesebuah

organisasi bagi menyokong dan mengurus tadbir operasi kewangan Islam semasa berucap di Persidangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Yang Kedua pada tahun 2010.

Sektor pengauditan merupakan satu sistem di mana juruaudit akan dipertanggungjawabkan untuk mengeluarkan laporan yang telus, tepat dan benar terhadap organisasi bagi memberikan pengesahan terhadap operasi perniagaan kepada pihak berkepentingan adakah organisasi telah menjalankan urus tadbir perniagaan berlandaskan prinsip-prinsip dan syariat Islam seperti mana laporan yang telah dikeluarkan oleh organisasi kepada para pengguna dan pelabur (Abdul Razak & Omar, 2008). Laporan yang telus, tepat dan benar ini dilihat mampu untuk meningkatkan keyakinan orang ramai untuk terus menggunakan perkhidmatan daripada institusi-institusi kewangan Islam.

Terdapat beberapa perkara yang menjadikan pelaksanaan audit syariah ini sebagai satu keperluan bagi institusi kewangan Islam pada masa kini seperti di nyatakan oleh Abdul Razak dan Omar (2008) seperti berikut:

- i. Bagi memastikan aktiviti urusan harian organisasi dilaksanakan berlandaskan kepada prinsip-prinsip dan syariat Islam.
- ii. Bagi memastikan aktiviti urusan harian organisasi tidak melanggar illah “*Maqasid Syariah*” dan illah-illah syarak yang menepati usul fiqh.
- iii. Audit syariah juga diperlukan untuk memberikan langkah-langkah

bagi memperbaiki dan meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan proses pentadbiran organisasi dan penambahbaikan dalam bidang yang berkaitan urus tadbir organisasi selari dengan syariat Islam.

- iv. Audit syariah juga penting bagi memastikan setiap keputusan yang dibuat oleh Majlis Pengawasan Syariah dipatuhi dan dilaksanakan oleh setiap individu di dalam organisasi sama ada melibatkan perkara-perkara teknikal, modus operasi atau perkara-perkara lain dalam organisasi.

Oleh yang demikian, audit syariah merupakan satu bidang yang penting dalam urusan perniagaan pada masa kini kerana ianya memainkan peranan dalam memastikan ketelusan serta kesahihan sesuatu urusan perniagaan yang dijalankan berlandaskan persepektif Islam yang dilaksanakan oleh sesebuah organisasi.

## **2.6 Persepsi Pelajar**

Terdapat beberapa kajian telah dijalankan dalam menentukan persepsi pelajar dalam aspek tertentu pengajian penyelidik-penyelidik terdahulu. Salah satu kajian menurut persepsi pelajar telah dijalankan oleh Hammami dan Hossain (2010) bagi mengkaji bagaimana persepsi pelajar perniagaan dan ahli perniagaan di Qatar terhadap kerjaya perakaunan.

Hasil kajian mendapati bahawa pelajar dan ahli perniagaan mempunyai tanggapan yang agak positif terhadap kerjaya sebagai akauntan. Namun begitu, terdapat

perbezaan persepsi di mana hasil kajian mendapati pelajar melihat kerjaya sebagai akauntan lebih baik daripada ahli perniagaan itu sendiri. Hammami dan Hossain (2010) menegaskan bahawa perbezaan ini mungkin disebabkan oleh pengalaman kerja yang diperolehi oleh ahli perniagaan berbanding pelajar-pelajar yang masih belum mempunyai kerjaya sendiri. Selain itu, Hammami dan Hossain (2010) dalam kajian mereka juga mendapati faktor demografi telah memberi kesan kepada pembentukan imej kerjaya sebagai akauntan. Perbezaan jantina amat jelas memberi kesan yang ketara apabila hasil kajian mendapati pelajar perempuan melihat faktor etika mempengaruhi kerjaya sebagai akauntan daripada pelajar lelaki (Hammami & Hossain, 2010).

Kajian lain yang dijalankan oleh Lizzio, Wilson dan Simons (2002) bagi mendapatkan persepsi pelajar terhadap persekitaran pembelajaran dan hasil akademik di sebuah universiti yang terletak di Australia melibatkan 5,000 orang pelajar yang dipilih secara rawak dari 14 fakulti (termasuk fakulti kemanusiaan, perniagaan, perdagangan, sains alam sekitar, sains komputer, sains sosial, undang-undang, pendidikan sains kesihatan, seni visual dan persembahan) daripada semua tahun pengajian. Kajian yang dijalankan berdasarkan kaedah kajian kuantitatif di mana borang soal selidik telah dihantar kepada setiap pelajar tiga bulan sebelum tahun akademik berakhir melalui email.

Penyelidik telah mendapat maklum balas sebanyak 2,130 daripada 5,000 populasi pelajar. Namun begitu, hanya 646 sampel yang akan di ambil oleh penyelidik melibatkan pelajar akhir universiti daripada fakulti yang mempunyai sampel saiz yang besar seperti fakulti perniagaan, kemanusiaan dan sains bagi mendapatkan hasil kajian



yang sah dan boleh di percayai berdasarkan “*regression and path analysis*” (Lizzio, Wilson & Simons, 2002). Hasil daripada kajian oleh Lizzio, Wilson dan Simons (2002), membuktikan bahawa persepsi pelajar dipengaruhi oleh pencapaian akademik, kepuasan, dan kemahiran daripada hasil pembelajaran sama ada secara langsung atau tidak langsung. Selain itu, kajian mendapati bahawa persepsi pelajar terhadap persekitaran pembelajaran di universiti adalah lebih kukuh berbanding hasil pencapaian pembelajaran pelajar di sekolah (Lizzio, Wilson & Simons, 2002).

Sebaliknya, Zdolsek (2013) dalam kajiannya di Maribor Universiti, Slovenia telah menyelidik bagaimana persepsi pelajar terhadap stereotaip juruaudit. Penyelidik telah mengambil seramai 58 orang pelajar jurusan perniagaan tahun akhir yang mengikuti kursus audit sebagai sampel kajian. Borang soal selidik yang mengandungi 30 soalan telah di edarkan kepada pelajar jurusan perniagaan yang terdiri daripada semua generasi pelajar di Maribor Universiti yang dilahirkan pada awal tahun 1990-an. Penyelidik melihat pelajar-pelajar ini sebagai salah satu daripada pelbagai kumpulan sosial di mana pelajar ini dijangka mempunyai persepsi terhadap juruaudit perseorangan dan pelaksanaan terhadap kerja-kerja pengauditan. Oleh kerana pelajar tidak mempunyai sebarang pengalaman kerja sebagai juruaudit, hasil dapatan kajian adalah berdasarkan persepsi peribadi pelajar sendiri terhadap profession juruaudit dan kerja-kerja pengauditan.

Hasil dapatan kajian oleh Zdolsek (2013) mendapati pelajar daripada Universiti Maribor, Slovene yang mengambil subjek audit kurang bersetuju bahawa stereotaip juruaudit sebagai individu yang kurang *ekstrovert*. Sebaliknya, mereka berpandangan bahawa juruaudit adalah individu yang sangat teliti, mempunyai emosi yang lebih

stabil, dan lebih berfikiran terbuka. Stereotaip adalah penting kerana ia mewakili sikap masyarakat terhadap kerjaya sebagai juruaudit. Persepsi pelajar terhadap kerjaya juruaudit yang stereotaip memberi manfaat dan menolak pelbagai sifat-sifat negatif individu.

Kajian pertama yang dijalankan untuk menangani isu berkenaan audit syariah di kalangan pelajar telah dilakukan oleh ahli-ahli akademik di Brunei. Kajian oleh Yaacob dan Donglah (2012) mengenai perspektif pelajar pascasiswazah terhadap audit syariah di institusi kewangan Islam telah menunjukkan bahawa pelajar-pelajar pascasiswazah mempunyai tahap kesedaran yang rendah dan tidak memahami akan terma dan konsep audit syariah. Pelajar-pelajar pascasiswazah ini juga beranggapan bahawa institusi kewangan Islam telah gagal memainkan peranan dalam mempromosikan audit syariah kepada orang awam.

Kajian yang sama telah dijalankan oleh ahli-ahli akademik di Malaysia. Namun begitu, kajian ini hanya dilakukan terhadap pelajar-pelajar sarjana muda jurusan perakaunan dari dua buah universiti di mana pelajar-pelajar daripada universiti A mempelajari subjek audit syariah manakala pelajar-pelajar daripada universiti B pula mempelajari subjek pengauditan konvensional. Hasil kajian menunjukkan pelajar yang tidak didedahkan dengan mata pelajaran audit syariah tidak sedar akan terma audit syariah, malah mereka juga tidak tahu mengenai perbezaan di antara audit syariah dan konvensional audit (Ali & Shafii, 2014).

Berdasarkan kajian oleh Ali dan Shafii (2014) dan juga kajian oleh Yaacob dan Donglah (2012), majoriti pelajar tidak menyedari apakah peranan yang tepat audit

syariah. Ini adalah kerana pelajar-pelajar tersebut tidak pernah mengambil atau tidak mempunyai akademik khusus yang diajar kepada mereka mengenai audit syariah (Ali & Shafii). Oleh yang demikian, penyelidik ingin melakukan kajian penerokaan terhadap audit syariah untuk menentukan keperluan dari segi pendidikan di universiti di kalangan pelajar dengan mengambil sampel kajian pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam di Universiti Utara Malaysia. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk memastikan sama ada terdapatnya hubungan yang ketara bagi aspek kesedaran, pengetahuan dan modal insan dengan persepsi pelajar jurusan perbankan dan kewangan Islam di UUM terhadap audit syariah.

## **2.7 Kesimpulan**

Ulasan karya berdasarkan kajian-kajian lepas membantu dalam pembentukan rangka kerja kajian dan hipotesis kajian selain daripada memantapkan dan memudahkan pemahaman terhadap kajian yang dijalankan. Pembentukan rangka kerja kajian dan hipotesis kajian akan dibincangkan di dalam bab berikutnya

## **BAB TIGA**

### **KAEDAH KAJIAN**

#### **3.0 Pendahuluan**

Setiap kajian yang dijalankan haruslah mempunyai satu kaedah yang digunakan oleh penyelidik bagi memastikan hasil kajian yang di peroleh adalah tepat. Oleh yang demikian, bab ini akan menerangkan secara terperinci kaedah yang digunakan oleh penyelidik bagi mengenal pasti persepsi pelajar sarjana terhadap audit syariah di institusi kewangan Islam. Penerangan meliputi reka bentuk kajian, persampelan kajian, instrumen kajian dan teknik-teknik penganalisan data.

#### **3.1 Reka Bentuk Kajian**

Menurut Sekaran (2013), reka bentuk merujuk kepada penyelidikan berdasarkan satu pelan induk yang melibatkan kaedah dan prosedur bagi pengumpulan dan penganalisan maklumat. Tujuan reka bentuk ini dirangka adalah untuk memastikan bahawa semua maklumat yang dikumpul adalah sesuai untuk menyelesaikan masalah kajian.

Kajian yang dibuat melibatkan tinjauan terhadap responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam di Universiti Utara Malaysia mengenai kesedaran, pengetahuan dan kepentingan modal insan terhadap audit syariah


### **3.1.1 Jenis Penyelidikan**

Jenis bentuk kajian ini melibatkan kajian jenis korelasi kerana ia direka untuk menentukan hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah tidak bersandar adalah kesedaran, pengetahuan dan modal insan manakala pemboleh ubah bersandar adalah persepsi pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam di UUM.

### **3.2 Rangka Kerja Kajian**

Rangka kerja kajian merupakan asas utama di dalam satu penyelidikan yang dibuat di mana rangka kerja ini terdiri daripada pemboleh ubah bersandar dan juga pemboleh ubah tidak bersandar. Berdasarkan kepada Bab 2 terdahulu telah dinyatakan ulasan karya mengenai kesedaran, pengetahuan, modal insan, syariah audit dan persepsi pelajar.

Rangka kerja kajian yang melibatkan pemboleh ubah bersandar adalah persepsi pelajar sarjana terhadap audit syariah manakala pemboleh ubah tidak bersandar adalah kesedaran, pengetahuan dan modal insan. Oleh itu, berdasarkan ulasan karya dan rangka kerja kajian, terdapat keperluan untuk mengkaji dan meneroka perkaitan antara kesedaran, pengetahuan dan modal insan di kalangan pelajar sarjana terhadap audit syariah. Rangka kerja kajian adalah seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 3.1.



Rajah 3.1  
***Rangka Kerja Kajian***

### 3.3 Hipotesis

Hipotesis adalah satu kenyataan yang dibuat bagi menguji hubungan antara pemboleh ubah yang terlibat di mana hipotesis ini dibina berdasarkan rangka kerja kajian oleh penyelidik mahupun dibina daripada kajian-kajian yang terdahulu. Hipotesis juga dibina bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang timbul. Berdasarkan rangka kerja kajian, hipotesis yang dibuat adalah seperti berikut:

- i. **Hipotesis 01:** Tidak terdapat perbezaan antara faktor demografi (jantina, umur, bangsa dan tahun pengajian) dengan persepsi pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam di UUM terhadap audit syariah.
  
- ii. **Hipotesis A1:** Terdapat perbezaan antara faktor demografi (jantina, umur, bangsa dan tahun pengajian) dengan persepsi pelajar jurusan perbankan dan kewangan Islam di UUM terhadap audit syariah.
  
- iii. **Hipotesis 02:** Tidak terdapat hubungan yang ketara antara kesedaran dengan persepsi pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam di UUM terhadap audit syariah.
  
- iv. **Hipotesis A2:** Terdapat hubungan yang ketara antara kesedaran dengan persepsi pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam di UUM terhadap audit syariah.
  
- v. **Hipotesis 03:** Tidak terdapat hubungan yang ketara antara pengetahuan dengan persepsi pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam di UUM terhadap audit syariah.
  
- vi. **Hipotesis A3:** Terdapat hubungan yang ketara antara pengetahuan dengan persepsi pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam di UUM terhadap audit syariah.

- vii. **Hipotesis 04:** Tidak terdapat hubungan yang ketara antara modal insan dan persepsi pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam di UUM terhadap audit syariah.
  
- viii. **Hipotesis A4:** Terdapat hubungan yang ketara antara modal insan dan persepsi pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam di UUM terhadap audit syariah.

### **3.4 Instrumen Kajian dan Pengukuran**

#### **3.4.1 Instrumen Kajian (Research Instruments)**

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah dengan mengedarkan borang soal kaji selidik kepada responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam di Universiti Utara Malaysia. Borang soal kaji selidik ini mempunyai 5 bahagian. Kesemua soalan di dalam borang kaji selidik ini diperolehi, diadaptasi dan disesuaikan dengan borang soal kaji selidik daripada pelbagai penyelidik berdasarkan kajian yang terdahulu. Tambahan dan adaptasi kepada borang soal kaji selidik di buat oleh penyelidik untuk disesuaikan dengan kajian ini.

Bahagian A terdiri daripada soalan-soalan yang melibatkan latar belakang responden seperti jantina, umur, bangsa, dan tahun pengajian. Manakala bahagian B mengadungi 4 soalan yang terdiri daripada soalan mengenai kesedaran, bahagian C pula mengadungi 4 soalan berkaitan pengetahuan pelajar sarjana mengenai audit syariah yang diadaptasi daripada kajian oleh Ali dan Shafii (2014).



Bahagian D di dalam borang kaji selidik pula melibatkan 14 soalan yang berkaitan dengan modal insan di mana soalan-soalan ini diadaptasi dan disesuaikan dengan kajian yang dijalankan oleh penyelidik yang dirujuk daripada kajian yang dijalankan oleh Ros, Sulaiman, dan Mahbob (2015). Bahagian E pula merujuk kepada soalan yang berkaitan dengan persepsi pelajar mengenai audit syariah yang diadaptasi daripada kajian yang dilakukan oleh Ali dan Shafii (2014).

Jadual 3.1

***Ringkasan Bentuk Borang Soal Selidik***

<b>Pemboleh ubah</b>	<b>Bilangan Soalan</b>	<b>Number Soalan</b>
<b>Bahagian A</b>		
Jantina	1	Bahagian A : 1
Umur	1	Bahagian A : 2
Bangsa	1	Bahagian A : 3
Tahun Pengajian	1	Bahagian A : 4
<b>Bahagian B</b>		
Kesedaran	4	Bahagian B: 1-4
<b>Bahagian C</b>		
Pengetahuan	4	Bahagian C: 1-4
<b>Bahagian D</b>		
Modal Insan	14	Bahagian D: 1-14
<b>Bahagian E</b>		
Persepsi Pelajar Sarjana di UUM terhadap Audit Syariah	19	Bahagian E: 1-19

### 3.4.2 Pengukuran Pemboleh Ubah

Ulasan karya di dalam Bab 2 telah membantu penyelidik menyediakan beberapa item pengukuran untuk kesedaran, pengetahuan, dan modal insan serta persepsi pelajar sarjana terhadap audit syariah di dalam borang soal kaji selidik. Responden kajian diminta menyatakan tahap pengukuran untuk semua pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian. Pengukuran yang digunakan oleh penyelidik bagi mengukur pemboleh ubah adalah dengan menggunakan skala likert (*likert scale*) 5 poin yang bermula dari 1 (*sangat tidak setuju*) kepada 5 (*sangat setuju*) seperti yang di tunjukkan dalam Jadual 3.2.

Jadual 3.2

***Skala Pemarkahan untuk Pemboleh Ubah Tidak Bersandar dan Pemboleh Ubah Bersandar***

Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
1	2	3	4	5

Item pengukuran yang digunakan dalam mengendalikan kajian ini telah disesuaikan daripada ulasan karya terdahulu dengan perubahan yang perlu. Semua soalan-soalan telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris bagi memudahkan pengumpulan data yang tidak hanya melibatkan pelajar dari Malaysia malah luar negara. Pemboleh ubah dan pengukuran penyelidikan lepas yang digunakan dalam kajian ini ditunjukkan seperti di dalam Jadual 3.3.

Jadual 3.3

***Pengagihan Pemboleh Ubah dan Pengukuran Kajian***

<b>Pemboleh ubah</b>	<b>Jumlah Soalan</b>	<b>Skala</b>	<b>Sumber</b>
<b><u>Tidak Bersandar</u></b>			
Kesedaran	4	Skala Likert 1-5	Ali & Shafii (2014)
Pengetahuan	4	Skala Likert 1-5	Ali & Shafii (2014)
Modal Insan	14	Skala Likert 1-5	Ros et. al. (2015)
<b><u>Bersandar</u></b>			
Persepsi Pelajar Sarjana Terhadap Audit Syariah	19	Skala Likert 1-5	Ali & Shafii (2014)
<b>JUMLAH</b>	<b>41</b>		

### 3.5 Populasi dan Persampelan Kajian

#### 3.5.1 Populasi

Populasi merujuk kepada agregat atau jumlah objek, subjek atau ahli yang berkongsi satu atau lebih ciri di mana data boleh dikumpul dan dianalisis. Populasi juga merujuk sebagai keseluruhan individu atau perkara yang dapat menarik penyelidik untuk menyiasat dengan lebih lanjut (Awais Bhatti et. al., 2015).

Populasi kajian ini melibatkan pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam sahaja dari Universiti Utara Malaysia (UUM). Jumlah bilangan pelajar dalam kajian ini adalah melibatkan 73 orang pelajar.

### 3.5.2 Persampelan

Penyelidik menggunakan teknik persampelan secara rawak mudah (*simple random sampling*) untuk sampel yang diperoleh daripada keseluruhan pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam di dalam kajian ini. Teknik persampelan ini digunakan bagi memastikan setiap pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan ini mempunyai kebarangkalian yang sama untuk dipilih bagi menjawab borang soal kaji selidik semasa proses pengumpulan data oleh penyelidik.

Menurut Krejcie dan Morgan (1970), sekurang-kurangnya 59 sampel kajian diperlukan bagi mewakili populasi yang berjumlah 70 orang. Sampel yang terlibat dalam kajian penyelidik terdiri daripada pelajar-pelajar sarjana perbankan dan kewangan Islam di Universiti Utara Malaysia. Oleh kerana bilangan populasi yang kecil dan sasaran responden hanya berdasarkan pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam, penyelidik memutuskan untuk menggunakan kesemua bilangan pelajar untuk dijadikan sebagai responden dalam kajian ini.

### 3.6 Pengumpulan Data

Data di definisikan sebagai maklumat yang tepat dan benar atau lebih tepat disebut sebagai fakta yang membantu penyelidik untuk menyempurnakan kajian yang dijalankan. Terdapat dua jenis data yang dapat digunakan penyelidik di dalam kajiannya yang dikenali sebagai data premier dan sumber sekunder. Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan kedua-dua jenis data iaitu data premier dan juga sumber sekunder bagi menyempurnakan kajian ini.

### **3.6.1 Data Premier**

Data premier merujuk kepada maklumat yang diperolehi secara langsung daripada sumber untuk tujuan penyelidikan pemboleh ubah di dalam kajian (Awais Bhatti et. al., 2015). Menurut Awais Bhatti et. al. (2015), data premier melibatkan individu (temu bual, soal selidik, dan pemerhatian), fokus kumpulan, dan responden panel yang telah ditetapkan penyelidikan dan daripadanya maklumat mengenai isu-isu tertentu dapat dicari.

Oleh itu, bagi mengumpul maklumat berdasarkan data premier, penyelidik menjadikan individu iaitu responden sebagai sumber premier dan responden akan diberikan borang soal kaji selidik bagi membantu kajian. Penyelidik akan memberikan masa kepada responden untuk menjawab soalan-soalan yang terdapat di dalam borang soal kaji selidik yang terdiri daripada soalan berkaitan kesedaran, pengetahuan, modal insan, dan persepsi pelajar terhadap audit syariah. Setelah selesai menjawab kesemua soalan, penyelidik akan mengumpul borang soal kaji selidik tersebut daripada responden sebelum menganalisis kesemua data premier yang diperolehi.

### **3.6.2 Sumber Sekunder**

Sumber sekunder merupakan data yang dikumpulkan dan direkod oleh penyelidik-penyelidik terdahulu untuk digunakan dalam kajian semasa oleh penyelidik pada masa akan datang yang terdiri daripada sejarah, maklumat yang telah didirikan, dan tidak memerlukan akses kepada responden mahupun subjek (Awais Bhatti et. al., 2015). Kesemua maklumat sumber sekunder ini boleh di dapati di dalam syarikat,

perpustakaan, sesawang internet, atau boleh dibeli daripada firma-firma yang menyediakan maklumat seperti ramalan ekonomi di mana maklumat ini sangat berguna kepada organisasi sebagai rujukan bagi membantu memperbaiki organisasi (Awais Bhatti et. al., 2015).

Bagi mengumpul maklumat berdasarkan sumber sekunder, penyelidik telah mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan melalui rujukan buku, jurnal, berita di akhbar, laporan tahunan, sesawang internet dan juga laman web jabatan yang berkenaan.

### **3.7 Kajian Rintis (*Pilot Test*)**

Tujuan kajian rintis di lakukan adalah untuk mengenal pasti sama ada responden memahami soalan-soalan di dalam borang soal kaji selidik. Hasil daripada melakukan kajian rintis ini, kemungkinan masalah yang timbul dapat dikenal pasti dan diselesaikan sebelum penyelidik memulakan kajian yang sebenar.

Oleh itu, maklumat yang diperoleh hasil daripada kajian rintis dapat digunakan untuk penambahbaikan kaedah atau instrumen yang berkenaan. Prosedur ini perlu dilakukan sebelum proses mengumpul data yang sebenar oleh penyelidik. Menurut Hair et. al. (2009) bilangan minimum untuk menjalankan kajian rintis adalah sebanyak 30.

Pada 30 Mac sehingga 4 April 2016, penyelidik telah mengedarkan borang soal kaji selidik kepada 30 responden yang merupakan pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam di Universiti Utara Malaysia. Hasil kajian rintis ini juga membantu

penyelidik untuk menyingkirkan soalan-soalan yang tidak jelas dan tidak dapat di fahami oleh responden. Penambahbaikan akan dilakukan oleh penyelidik bagi memastikan soalan-soalan yang terlibat dalam borang kaji soal selidik dapat di fahami oleh setiap responden.

### **3.8 Ujian Kebolehpercayaan (*Reliability Test*)**

Ujian kebolehpercayaan soal kaji selidik ini diuji dengan menggunakan *Cronbach's Alpha* atau dipanggil *Alpha Coefficient* bagi menguji konsisten dalaman terhadap soalan-soalan yang terdapat dalam borang soal kaji selidik. Menurut Sekaran (2013), lebih dekat pekali kebolehpercayaan (1.00) adalah lebih baik. Secara umum, pekali alpha yang lebih daripada 0.7 dianggap kuat dan diterima manakala nilai *Cronbach Alpha* 0.6 dianggap lemah tetapi masih boleh diterima.

### **3.9 Ujian Kesahan (*Validity Test*)**

Ujian kesahan (*validity test*) adalah untuk mengenal pasti sama ada pemboleh ubah yang dikaji di dalam kajian ini adalah sah dan boleh diukur. Dalam ujian kesahan (*validity test*) penyelidik akan melakukan kesahan muka (*face validity*) atau pertimbangan pakar (*expert judgement*). Pertimbangan pakar adalah penting bagi mana-mana instrumen sama ada untuk instrumen baru atau instrumen yang diambil daripada kajian sebelum ini (Hair et. al., 2009).

Pakar akan memberikan pandangan terhadap instrumen yang digunakan oleh penyelidik bagi memastikan kesahan instrumen sebelum pengedaran borang soal

selidik kepada responden bagi mendapatkan data sebenar kajian. Oleh yang demikian, penyelidik menggunakan kesahan muka (*face validity*) dengan merujuk kepada pakar-pakar yang berkaitan dengan kajian penyelidik iaitu pakar dalam bidang audit syariah. Ini bertujuan untuk memastikan bahawa instrumen adalah sesuai dan boleh diguna pakai di dalam kajian oleh penyelidik.

### **3.10 Saringan Data (*Data Screening*)**

Saringan data (*data screening*) adalah satu teknik yang di guna pakai bagi memastikan bahawa data yang telah dimasukkan adalah betul dan taburan pemboleh ubah yang akan digunakan dalam analisis adalah normal (Coakes, 2013).

#### **3.10.1 Missing Value**

“*Missing value*” merujuk kepada nilai satu atau lebih pemboleh ubah tidak di isi oleh responden atau nilai yang tertinggal catat oleh penyelidik semasa proses memasukkan maklumat data di dalam program komputer. Namun, perkara ini sangat jarang terjadi dan kebanyakan penyelidik akan cuba mengelak daripada masalah kehilangan data (Hair et. al., 2009). Menurut Hair et. al. (2009), masalah utama penyelidik dalam menangani isu kehilangan nilai data dalam mengenal pasti corak dan hubungan data yang hilang bagi mengekalkan sehampir mungkin pengagihan asal nilai apabila apa saja nilai gantian yang telah digunakan.



### 3.10.2 Ujian Multivariate Outlier

Menurut Abdullah (1994), jika terdapat data tersisih atau terpencil dalam analisis *Multivariate*, ini membawa maksud bahawa andaian asas ini telah dilanggar dan menerangkan bahawa kesahihan mod telah menyimpang daripada yang sepatutnya. Data terpencil dalam analisis *Multivariate Outlier* ini boleh di kenal pasti dengan merujuk kepada nilai *Mahalanobis Distance*. Nilai *Mahalanobis* ini boleh di rujuk di Jadual *Residuals Statistics* bagi memastikan nilai *Multivariate* ini tidak melebihi niali yang telah ditetapkan (Meyers et. al., 2006). Nilai *Mahalanobis Distance* diperiksa dengan menggunakan jadual “*Chi-Square*”, dengan darjah kebebasan sama dengan bilangan pemboleh ubah tidak bersandar (kajian ini terdiri daripada 3 pemboleh ubah). Nilai dengan jadual nilai kritikal bagi “*Chi-Square*” adalah pada tahap alpha  $\rho < 0.001$  (Meyers, et. al, 2006).

### 3.10.3 Ujian Taburan Normal (*Normality Test*)

Menurut Awais Bhatti et. al. (2015), ujian taburan normal (*normality test*) digunakan untuk menentukan sama ada satu set data yang telah dimodelkan adalah bertaburan secara normal atau tidak. Terdapat pelbagai kaedah yang boleh digunakan bagi memeriksa kenormalan data seperti “*histogram, steam and leaf plot, box plot, normal probability plot, detrended normal plot, kolmogrov-smirnov, shapiro-wilks statistic, skewness dan kurtosis*”. Bagi memeriksa kenormalan data, penyelidik telah memilih untuk menggunakan kaedah berdasarkan histogram.

### 3.11 Penganalisisan Data

Penganalisisan data yang dikumpul daripada borang soal kaji selidik diterangkan dalam bahagian ini. Dalam kajian ini, data akan dianalisis menggunakan alat statistik dikenali sebagai SPSS 22.0 (*Statistical Package for Social Science*) untuk program komputer. Penggunaan SPSS memerlukan data yang dikumpul untuk menjadi ikon kod berangka yang memberikan kepada soalan majoriti sebelum pentadbiran soal kaji selidik.

Analisis statistik deskriptif seperti frekuensi dan peratusan digunakan untuk menganalisis keputusan berkaitan demografi responden. Bagi mengkaji hubungan di antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar, ujian analisis statistik inferensi akan digunakan oleh penyelidik. Di antara kaedah ujian yang akan digunakan bagi mengkaji hubungan di antara pemboleh ubah adalah ujian sampel  $t$  (*Sample t-test*), ujian hubungan satu hala ANOVA (*one way ANOVA*), ujian kolerasi Pearson (*Pearson Correlation*), dan ujian analisis regresi berganda (*Multiple Regression Analysis*).

#### 3.11.1 Ujian Sampel $t$ (*t-test*)

Menurut Utah (2013), ujian sampel  $t$  merujuk kepada salah satu analisis statistik yang digunakan untuk melihat perbezaan yang ketara (siginifikan) bagi nilai min untuk dua kumpulan atau dua set data yang hendak di uji. Terdapat tiga jenis ujian sampel  $t$  yang dikenali ujian satu sampel  $t$  (*One sample t-test*), ujian sampel  $t$ -bebas (*Independent Sample t-test*) dan ujian sampel  $t$ -berpasangan (*Paired-sample t-test*). Bagi melihat

tahap perbezaan antara jantina dengan persepsi pelajar jurusan perbankan dan kewangan Islam di UUM terhadap audit syariah, penyelidik akan menggunakan ujian sampel *t*-bebas (*Independent sample t-test*).

### **3.11.2 Ujian Hubungan Satu Hala ANOVA (*One Way Anova*)**

Ujian hubungan satu hala Anova merupakan teknik statistik yang digunakan bagi memeriksa perbezaan di antara nilai untuk dua atau lebih populasi. Ukuran pemboleh ubah bersandar menggunakan skala '*interval*' dan bagi pemboleh ubah tidak bersandar ukuran adalah berdasarkan '*nominal*' di sebabkan oleh ianya membezakan kumpulan responden mengikut kategori (Awais Bhatti, et. al., 2015). Oleh itu, apabila terdapatnya '*non-parametric*' pemboleh ubah tidak bersandar dengan dua atau lebih kumpulan dan satu metrik pemboleh ubah bersandar, ujian hubungan satu hala ANOVA adalah kaedah yang paling sesuai digunakan.

### **3.11.3 Analisis Kolerasi Pearson (*Pearson Correlation Analysis*)**

Analisis korelasi akan dilakukan untuk mengkaji hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar. Analisis pekali korelasi Pearson akan digunakan untuk menunjukkan tahap hubungan linear antara pemboleh ubah tidak bersandar dan bersandar. Simbol pekali korelasi "*r*" akan digunakan dan nilai rangkaian adalah dari -1.00 kepada 1.00.

Pekali korelasi akan menunjukkan dua perkara tentang hubungan antara dua pemboleh ubah iaitu arah hubungan dan magnitudnya. Langkah yang lebih dekat

adalah nilai kolerasi bersamaan dengan 1.00, iaitu hubungan semakin besar kemungkinan adalah statistik yang signifikan (Muchinsky, 1993). Tafsiran kekuatan korelasi mengikut Cohen (1988) adalah seperti yang di tunjukkan dalam Jadual 3.4 berikut.

Jadual 3.4  
**Tafsiran Kekuatan Pekali Kolerasi**

Nilai Pekali	Hubungan antara Pemboleh Ubah
0.50-1.00	Kuat
0.30-0.49	Sederhana
0.10-0.29	Lemah

### 3.11.4 Analisis Regresi (*Regression Analysis*)

Menurut Awais Bhatti et. al. (2015), analisis regresi merupakan satu teknik statistik yang digunakan bagi memeriksa atau mengenal pasti hubungan di antara pemboleh ubah bersandar dengan satu atau lebih pemboleh ubah tidak bersandar. Dalam analisis regresi, pemboleh ubah haruslah berbentuk metrik (sekurang-kurangnya pada skala ukuran yang *'interval'*). Terdapat dua jenis analisis regresi iaitu regresi linear mudah (*simple linear regression*) dan analisis regresi berganda (*multiple regression*). Bagi menyempurnakan analisis ini, penyelidik memilih untuk menggunakan analisis regresi berganda (*multiple regression*).

### 3.12 Rumusan

Kaedah atau metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah mengikut kesesuaian dan berdasarkan pemerhatian terhadap kekangan yang wujud daripada kajian-kajian yang lepas. Penekanan terhadap cara kajian atau metodologi yang bersesuaian adalah amat penting supaya matlamat dan maklumat yang tepat dapat diperolehi daripada kajian yang di lakukan.



## BAB EMPAT

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 Pendahuluan

Bab ini akan menganalisis hasil dapatan kajian. Kesemua data dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 22.0* untuk program komputer. Kekekapan dan peratusan digunakan dalam menganalisis ciri-ciri demografi responden. Manakala, ujian sampel *t*-bebas (*Independent t-Test*), ujian hubungan satu hala Anova (*One Way Anova*), ujian korelasi Pearson (*Pearson Correlation*) dan ujian analisis regresi berganda (*Multiple Regression Analysis*) digunakan bagi menentukan hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar.

#### 4.1 Maklum Balas Responden

Sebanyak 73 borang soal kaji selidik telah diedarkan kepada responden iaitu pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam di UUM. Oleh kerana bilangan populasi yang kecil, penyelidik telah mengambil kesemua populasi pelajar untuk di jadikan sampel kajian dan kadar yang dikembalikan adalah sebanyak 86% seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.1 di bawah.

Jadual 4.1

***Peratusan Maklum Balas Responden***

<b>Jumlah Populasi</b>	<b>Jumlah Agihan Soal Selidik</b>	<b>Jumlah Soal Selidik Diterima</b>	<b>Peratusan (%)</b>
73	73	63	86

**4.2 Ujian Kebolehpercayaan (*Reliability Test*)**

Kajian rintis (*pilot test*) dilakukan bagi memeriksa dan mengukur kebolehpercayaan (*reliability*) yang digunakan dalam kajian ini. Nilai *Cronbach Alpha* 0.7 dan ke atas dianggap boleh dipercayai manakala nilai *Cronbach Alpha* 0.6 adalah dianggap lemah tetapi ianya masih boleh diterima (Sekaran, 2013). Jadual 4.2 menunjukkan ringkasan nilai *Cronbach Alpha* bagi setiap pemboleh ubah yang dikaji oleh penyelidik di dalam kajian ini.

Jadual 4.2

***Nilai Cronbach Alpha bagi Setiap Pemboleh Ubah***

<b>Pemboleh Ubah</b>	<b>Kajian Rintis (<i>Pilot Test, n=30</i>)</b>	<b>Kajian Sebenar (<i>n=63</i>)</b>
Kesedaran	0.816	0.741
Pengetahuan	0.885	0.711
Modal Insan	0.964	0.945
Persepsi Pelajar Sarjana Terhadap Audit Syariah	0.830	0.853

Berdasarkan Jadual 4.2, di dapati hasil ujian kebolehpercayaan mempunyai nilai alpha pemboleh ubah yang tinggi iaitu melebihi 0.7 (Sekaran, 2013). Nilai alpha bagi

pemboleh ubah tidak bersandar iaitu kesedaran adalah pada 0.741 manakala pengetahuan adalah pada 0.771. Bagi pemboleh ubah tidak bersandar modal insan, menunjukkan nilai *Cronbach Alpha* paling tinggi iaitu pada 0.945. Selain itu, nilai *Cronbach Alpha* bagi pemboleh ubah bersandar iaitu persepsi pelajar sarjana adalah pada 0.853. Ini menunjukkan kesemua pemboleh ubah diperoleh adalah sesuai digunakan untuk kajian sebenar penyelidik kerana mempunyai nilai *Cronbach Alpha* yang melebihi 0.7.

### **4.3 Saringan Data (*Data Screening*)**

Saringan data (*data screening*) adalah satu proses yang dilakukan penyelidik bagi mengenal pasti data yang diperolehi mencukupi dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan sebelum analisis yang selanjutnya di lakukan oleh penyelidik. Perkara ini adalah amat penting dalam memastikan setiap data yang digunakan dalam kajian adalah boleh dipercayai dan sesuai digunakan untuk kajian. Oleh itu, saringan data di dalam kajian ini melibatkan “*missing value*”, “*multivariate outlier*” dan ujian taburan normal (*normality test*).

#### **4.3.1 Missing Value**

Berdasarkan analisis deskriptif, didapati bahawa tiada nilai kehilangan data (*missing value*) yang ditemui daripada 63 borang kaji selidik yang diterima oleh penyelidik.



### 4.3.2 Multivariate Outlier


Bagi menguji “outlier”, penyelidik telah merujuk kepada nilai *Mahalanobis Distance*. Berdasarkan kepada Jadual 4.3 di bawah, terdapat 10 nilai “extreme” *Mahalanobis Distance*. Nilai ini melibatkan 5 kes (31, 48, 8, 36, dan 9) yang mencatatkan nilai tertinggi manakala 5 kes (60, 51, 10, 24, dan 62) menunjukkan nilai yang terendah. Bagi merujuk nilai *Mahalanobis Distance*, penyelidik menggunakan jadual “Chi-Square” pada nilai alpha  $p < 0.001$ . Berdasarkan jadual “Chi-Square” mana-mana kes dengan nilai *Mahalanobis Distance* yang sama atau lebih daripada 16.27 boleh dianggap sebagai titik terpencil (*outlier*). Jadual 4.3 di bawah menunjukkan bahawa tiada kes yang mempunyai nilai yang sama atau lebih daripada daripada nilai *Mahalanobis Distance* (16.27). Oleh itu, tiada responden yang dibuang berdasarkan *Mahalanobis Distance*.

Jadual 4.3  
*Nilai Mahalanobis Distance (n=63)*


		Case Number		Value
<b>Mahalanobis Distance</b>	<b>Highest</b>	1	31	11.61579
		2	48	8.79880
		3	08	8.30534
		4	36	7.87769
		5	09	6.82676
	<b>Lowest</b>	1	60	0.09860
		2	51	0.35939
		3	10	0.41036
		4	24	0.42279
		5	62	0.67989

### 4.3.3 Ujian Taburan Normal (Normality Test)


Untuk menguji kenormalan (*normality test*) data, penyelidik menggunakan histogram. Bagi mengenal pasti sama ada data bertaburan normal atau tidak bertaburan normal, histogram haruslah berbentuk loceng. Berdasarkan Rajah 4.1, Rajah 4.2, Rajah 4.3, dan Rajah 4.4 menunjukkan bahawa kesemua pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar adalah bertaburan secara normal dan berbentuk seperti loceng.




Rajah 4.1  
*Histogram bagi Kesedaran*



Rajah 4.2  
*Histogram bagi Pengetahuan*



Rajah 4.3  
*Histogram bagi Modal Insan*



Rajah 4.4  
*Histogram bagi Persepsi Pelajar*

#### 4.4 Analisis Deskriptif

Penyelidik telah menggunakan analisis deskriptif untuk menganalisis maklumat demografi responden yang telah dikumpul dan direkod menggunakan program komputer dikenali sebagai SPSS 22.0 berdasarkan kekerapan dan peratusan.

##### 4.4.1 Demografi Responden

Profil responden dianalisis berdasarkan 73 soal selidik yang telah diedar dan 63 soal selidik diterima dengan menggunakan analisis deskriptif. Nilai-nilai kekerapan dan peratusan digunakan untuk menggambarkan persampelan demografi tertentu. Kaji selidik ini menunjukkan butiran mengenai pemboleh ubah demografi yang merujuk kepada profil responden seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.4 di bawah.

Jadual 4.4

*Taburan Demografi Responden (n=63)*

No.	Item	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
1.	Jantina	Lelaki	21	33.3
		Perempuan	42	66.7
		<b>Jumlah</b>	<b>63</b>	<b>100.00</b>
2.	Umur	21-30	56	88.9
		31-40	7	11.1
		<b>Jumlah</b>	<b>63</b>	<b>100.00</b>
3.	Bangsa	Melayu	55	87.3
		Cina	2	3.2
		Lain-lain	6	9.5
		<b>Jumlah</b>	<b>63</b>	<b>100.00</b>
4.	Tahun Pengajian	Tahun 1	32	50.8
		Tahun 2	28	44.4
		Tahun 3	2	3.2
		>3 tahun	1	1.6
		<b>Jumlah</b>	<b>63</b>	<b>100.00</b>

Berdasarkan Jadual 4.4 di atas, sebanyak 66.7% (42 orang) merupakan responden yang terdiri daripada pelajar perempuan manakala selebihnya iaitu 33.3% merupakan responden yang terdiri daripada pelajar lelaki seramai 21 orang. Hasil kajian juga mendapati bahawa seramai 56 orang pelajar berada di peringkat umur di antara 21 tahun sehingga 30 tahun (88.9%) dan hanya 7 orang daripada 63 orang pelajar ini berumur di antara 31-40 tahun (11.1%).

Responden yang terlibat dalam sampel kajian ini terdiri daripada pelajar berbangsa Melayu (87.3%), Cina (3.2%) dan lain-lain bangsa (9.5%). Kebanyakan daripada

responden (50.8%) merupakan pelajar tahun 1, sebanyak 44.4% adalah pelajar tahun 2, 3.2% daripada tahun 3 dan hanya seorang pelajar (1.6%) merupakan responden daripada tahun 3 ke atas.

#### 4.5 Analisis Inferensi

Analisis inferensi digunakan untuk mendapatkan hasil daripada data kajian bagi mengenal pasti hubungan di antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar. Penyelidik telah menggunakan beberapa kaedah bagi menganalisis kekuatan hubungan di antara pemboleh ubah iaitu seperti ujian sampel *t*-bebas (*Independent Sample T-Test*), hubungan satu hala Anova, kolerasi Pearson, dan juga ujian analisis regresi berganda (*Multiple Regression Analysis*).

##### 4.5.1 Ujian Sampel *t*-Bebas (*Independent T-test*)

Ujian sampel *t*-bebas digunakan bagi menguji perbezaan di antara dua metrik skala kumpulan pemboleh ubah (Awais Bhatti et. al., 2015). Selain itu, ujian ini sesuai digunakan apabila sisihan piawai yang tidak diketahui nilainya dan ukuran sampel saiz kajian adalah kecil (Awais Bhatti et. al., 2015).

Menurut Awais Bhatti et. al. (2015) antara kriteria untuk melaksanakan ujian sampel *t*-bebas ini adalah data haruslah berdasarkan skala '*interval*' atau '*ratio*', data yang dikumpul adalah berdasarkan sampel rawak mudah, dan data adalah bertaburan normal. Jadual 4.5 menunjukkan keputusan ujian sampel *t*-bebas bagi jantung ke atas persepsi pelajar.

Jadual 4.5

***Ujian Sampel t-bebas: Perbezaan Jantina Mempunyai Kesan yang Ketara (signifikan) Dengan Persepsi Pelajar***

	N	Mean	Standard Deviation	Independent Sample t-test	
				t	p
<b><u>Persepsi pelajar</u></b>					
<b>Lelaki</b>	21	3.9348	0.42593	-0.508	0.613
<b>Perempuan</b>	42	4.0063	0.56807	-0.559	0.579

Berdasarkan Jadual 4.5 di atas, hasil keputusan ujian sampel *t*-bebas mendapati kedua-dua jantina iaitu lelaki ( $p = 0.6132$ ) dan perempuan ( $p = 0.579$ ) melebihi nilai signifikan  $p > 0.05$ . Ini menunjukkan bahawa perbezaan jantina tidak mempunyai kesan yang ketara (signifikan) terhadap persepsi pelajar.

#### 4.5.2 Ujian Hubungan Satu Hala ANOVA

Menurut Awais Bhatti et. al. (2015), di antara kriteria-kriteria untuk melaksanakan ujian hubungan satu hala ANOVA adalah, data haruslah bertaburan normal, pemboleh ubah bersandar haruslah menggunakan ukuran skala '*interval*' atau '*ratio*', dan pemboleh ubah tidak bersandar haruslah menggunakan skala ukuran '*nominal*' atau '*ordinal*'. Di dalam kajian ini, didapati kesemua kriteria Anova telah dipenuhi. Oleh yang demikian, ujian ini adalah sesuai digunakan di dalam kajian penyelidikan. Jadual di bawah menunjukkan hasil keputusan ujian hubungan satu hala ANOVA terhadap persepsi pelajar.

Jadual 4.6

***Ujian Hubungan Satu Hala ANOVA: Perbezaan Umur Mempunyai Kesan yang Ketara (signifikan) Dengan Persepsi Pelajar***

	Sum of Squares	df. (n)	Mean	f	Sig.(p)
<b>Antara Kumpulan</b>	0.068	01	0.068	0.245	0.622
<b>Dalam Kumpulan</b>	16.863	61	0.276		

Hipotesis bagi perbezaan umur mempunyai kesan yang ketara (signifikan) terhadap persepsi pelajar adalah ditolak berdasarkan Jadual 4.6 di atas. Ini kerana nilai  $p > 0.05$  iaitu pada 0.622.

Jadual 4.7

***Ujian Hubungan Satu Hala ANOVA: Perbezaan Bangsa Mempunyai Kesan yang Ketara (signifikan) Dengan Persepsi Pelajar***

	Sum of Squares	df.(n)	Mean	f	Sig.(p)
<b>Antara Kumpulan</b>	0.129	2	0.064	0.230	0.795
<b>Dalam Kumpulan</b>	16.802	60	0.280		

Merujuk kepada Jadual 4.7 di atas, hasil keputusan ujian hubungan satu hala ANOVA terhadap persepsi pelajar menunjukkan tiadanya hubungan yang ketara (signifikan) kerana nilai  $p > 0.05$  iaitu pada  $p = 0.795$ . Ini bermakna hipotesis bagi tidak terdapatnya perbezaan bangsa dengan persepsi pelajar adalah diterima. Hasil ujian menunjukkan tiadanya hubungan yang ketara di antara bangsa dengan persepsi pelajar.



Jadual 4.8

***Ujian Hubungan Satu Hala ANOVA : Perbezaan Tahun Pengajian Mempunyai Kesan yang Ketara (signifikan) Dengan Persepsi Pelajar***

	Sum of Squares	df.(n)	Mean	f	Sig.(p) Square
<b>Antara Kumpulan</b>	2.236	3	0.745	2.992	0.038
<b>Dalam Kumpulan</b>	14.695	59	0.249		

Daripada Jadual 4.8 di atas, hasil keputusan ujian hubungan satu hala ANOVA menunjukkan bahawa perbezaan dari segi tahun pengajian mempunyai kesan yang ketara (signifikan) terhadap persepsi pelajar. Hasil analisis mendapati hipotesis ini diterima kerana nilai  $p < 0.05$  iaitu pada  $p = 0.038$ .

#### **4.5.3 Analisis Kolerasi Pearson (*Pearson Correlation Analysis*)**

Bagi menentukan hubungan di antara kesedaran, pengetahuan dan modal insan dengan persepsi pelajar, ujian analisis kolerasi Pearson dilaksanakan. Tujuan ujian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti sama ada objektif kajian yang di nyatakan di dalam bab satu dapat dicapai. Selain itu juga, ujian ini dapat membuktikan hipotesis yang telah dibentuk dalam kajian sama ada mempunyai hubungan yang ketara (signifikan) dengan persepsi pelajar.

Menurut Cohen (1988) seperti dipetik dalam Utah (2013), jika nilai  $r$  adalah 0.50 sehingga 1.00, ia menunjukkan nilai  $r$  adalah kuat atau besar. Namun jika nilai  $r$  adalah 0.30 sehingga 0.49, ianya dianggap sederhana. Manakala jika nilai  $r$  adalah 0.10 sehingga 0.29, ianya menunjukkan nilai  $r$  yang lemah atau kecil. Hasil keputusan ujian adalah seperti Jadual 4.9 di bawah:

Jadual 4.9

***Hubungan Kolerasi Antara Kesedaran, Pengetahuan dan Modal Insan dengan Persepsi Pelajar Sarjana Terhadap Audit Syariah***

	Kesedaran	Pengetahuan	Modal Insan	Persepsi Pelajar
Kesedaran	1			
Pengetahuan	0.736**	1		
Modal insan	0.653**	0.710**	1	
Persepsi Pelajar	0.662**	0.491**	0.596**	1

**\*\*Nota :** Kolerasi adalah signifikan pada paras 0.01 ( $p < 0.01$ )

Berdasarkan keputusan ujian analisis kolerasi seperti Jadual 4.9 di atas, kesemua pemboleh ubah tidak bersandar iaitu kesedaran dan modal insan menunjukkan nilai r yang melebihi 0.5 di mana nilai r bagi pemboleh ubah kesedaran adalah sebanyak 0.662 manakala nilai r bagi modal insan adalah 0.596. Pemboleh ubah tidak bersandar iaitu pengetahuan juga mempunyai hubungan dengan pemboleh ubah bersandar iaitu pada 0.491. Ini menunjukkan hanya terdapat dua pemboleh ubah tidak bersandar mempunyai hubungan yang kuat dengan persepsi pelajar iaitu kesedaran dan modal insan. Manakala pengetahuan mempunyai hubungan yang sederhana dengan persepsi pelajar sarjana terhadap audit syariah.

#### **4.5.4 Analisis Regresi Berganda (*Multiple Regression Analysis*)**

Untuk menguji pengaruh hubungan di antara pemboleh ubah tidak bersandar dengan pemboleh ubah bersandar, ujian analisis regresi berganda (*Multiple Regression Analysis*) telah digunakan. Keputusan ujian analisis regresi berganda ini dapat menentukan kekuatan pengaruh hubungan pemboleh ubah tidak bersandar yang mana lebih ketara (signifikan) terhadap persepsi pelajar. Jadual 4.10 menunjukkan keputusan analisis ujian regresi berganda yang telah dilaksanakan.

Jadual 4.10

*Analisis Regresi Berganda Kesedaran, Pengetahuan Dan Modal Insan Dengan Persepsi Pelajar*

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	<i>t</i>	<i>Sig.</i>
	B	Std.Error	Beta		
(Constant)	0.974	0.495		1.967	0.054
<b>Kesedaran</b>	0.466	0.119	0.556	3.919	0.000
<b>Pengetahuan</b>	-0.170	0.153	-0.169	-1.109	0.272
<b>Modal Insan</b>	0.408	0.158	0.353	2.590	0.012

*p<0.01, **p<0.05	R=0.704	R <sup>2</sup> =0.496	F=19.355	Sig.=.000
-------------------	---------	-----------------------	----------	-----------

Keputusan ujian analisis regresi berganda daripada Jadual 4.10 menunjukkan kesedaran, pengetahuan dan modal insan hanya mempengaruhi persepsi pelajar sebanyak 49.6%. Nilai ini ditunjukkan melalui nilai varians R<sup>2</sup> (0.496) sebagai faktor yang mempengaruhi pemboleh ubah tidak bersandar ke atas persepsi pelajar. Secara ringkasnya nilai R<sup>2</sup> sebanyak 50.4% yang mewakili lain-lain faktor yang tidak di analisis dalam kajian ini.

Selain itu, secara keseluruhan hasil keputusan ujian analisis regresi berganda ini menunjukkan kesemua pemboleh ubah tidak bersandar mempunyai hubungan dengan pemboleh ubah bersandar iaitu pada F = 19.355 (p = 0.000). Hasil keputusan ujian ini juga mendapati hanya terdapat dua pemboleh ubah tidak bersandar iaitu pemboleh ubah tidak bersandar kesedaran ( $\beta = 0.556$ ) dan modal insan ( $\beta = 0.353$ ) mempunyai nilai pekali beta yang positif. Bagi pemboleh ubah tidak bersandar pengetahuan menunjukkan nilai pekali beta yang negatif iaitu pada  $\beta = -0.169$ .

Daripada hasil ujian analisis regresi berganda di atas, pemboleh ubah tidak bersandar bagi kesedaran ( $p = 0.000$ ) dan modal insan ( $p = 0.012$ ) menunjukkan hubungan yang ketara (signifikan) serta mempengaruhi pemboleh ubah bersandar kerana kedua-dua pemboleh ubah mempunyai nilai  $p < 0.01$  dan  $p < 0.05$ . Namun begitu, satu lagi pemboleh ubah tidak bersandar iaitu pengetahuan tidak menunjukkan sebarang kesan dan pengaruh ke atas persepsi pelajar terhadap audit syariah kerana nilai  $p > 0.05$ .

#### 4.6 Ringkasan Hasil Ujian Hipotesis

Oleh kerana kajian di lakukan bagi melihat kekuatan hubungan di antara kesedaran, pengetahuan dan modal insan dengan persepsi pelajar sarjana perbankan dan kewangan Islam di UUM terhadap audit syariah, ujian berdasarkan analisis Kolerasi Pearson dijadikan rujukan. Jadual 4.11 di bawah menunjukkan ringkasan hasil pengujian hipotesis di dalam kajian ini berdasarkan analisis kolerasi Pearson (*Pearson Correlation*).

Jadual 4.11  
**Ringkasan Hasil Ujian Hipotesis**

Hipotesis	Keputusan
i. Tidak terdapat perbezaan antara faktor demografi (jantina, umur, bangsa, dan tahun pengajian) dengan Persepsi Pelajar Sarjana di UUM Terhadap Audit Syariah	1. $H_{01}$ diterima (jantina, umur, bangsa). 2. $H_{01}$ ditolak (Tahun pengajian)
ii. Terdapat perbezaan antara faktor demografi (jantina, umur, bangsa, dan tahun pengajian) dengan Persepsi Pelajar Sarjana di UUM Terhadap Audit Syariah	1. $H_{A1}$ ditolak (jantina, umur, bangsa). 2. $H_{A1}$ diterima (Tahun pengajian)
iii. Tidak Terdapat hubungan yang ketara antara Kesedaran dengan Persepsi Pelajar Sarjana di UUM Terhadap Audit Syariah	$H_{02}$ ditolak
iv. Terdapat hubungan yang ketara antara Kesedaran dengan Persepsi Pelajar Sarjana di UUM Terhadap Audit Syariah	$H_{A2}$ diterima
v. Tidak Terdapat hubungan yang ketara antara Pengetahuan dengan Persepsi Pelajar Sarjana di UUM Terhadap Audit Syariah	$H_{03}$ ditolak
vi. Terdapat hubungan yang ketara antara Pengetahuan dengan Persepsi Pelajar Sarjana di UUM Terhadap Audit Syariah	$H_{A3}$ diterima
vii. Tidak Terdapat hubungan yang ketara antara Modal Insan dengan Persepsi Pelajar Sarjana di UUM Terhadap Audit Syariah	$H_{04}$ ditolak
viii. Terdapat hubungan yang ketara antara Modal Insan dengan Persepsi Pelajar Sarjana di UUM Terhadap Audit Syariah	$H_{A4}$ diterima

\*\* Nota : Pemboleh Ubah Bersandar = Persepsi Pelajar

#### 4.7 Kesimpulan

Bab 4 ini menjelaskan hasil dapatan keputusan analisis kajian. Kesemua data kajian telah di analisis menggunakan perisian program komputer SPSS. Bagi perbincangan dan huraian hasil dapatan kajian akan di bincangkan dalam bab seterusnya (Bab 5). Hipotesis yang telah dibentuk di dalam kajian ini telah di uji dan hasil dapatan kajian menunjukkan terdapatnya hubungan yang ketara (signifikan) antara kesedaran, pengetahuan dan modal insan dengan persepsi pelajar sarjana di UUM terhadap audit syariah.



## **BAB LIMA**

### **PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN**

#### **5.0 Pendahuluan**

Bab 5 ini akan membincangkan objektif yang telah dicapai berdasarkan hasil ujian yang telah dijalankan dalam Bab 4. Di antara perbincangan yang akan di bentangkan dalam bab ini meliputi perbincangan setiap pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar, implikasi kajian, batasan kajian dan juga cadangan penyelidikan pada masa akan datang.

#### **5.1 Perbincangan Hasil Dapatan Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti adakah (i) faktor demografi (jantina, umur, bangsa, dan tahun pengajian) mempunyai perbezaan dengan persepsi pelajar jurusan perbankan dan kewangan Islam terhadap audit syariah, adakah (ii) kesedaran mempunyai hubungan yang ketara dengan persepsi pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam di UUM terhadap audit syariah, adakah (iii) pengetahuan mempunyai hubungan yang ketara dengan persepsi pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam di UUM terhadap audit syariah dan adakah (iv) modal insan mempunyai hubungan yang ketara dengan persepsi pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam di UUM terhadap audit syariah. Bagi melakukan kajian ini, penyelidik telah menggunakan teknik sampel kajian secara rawak di mana ianya melibatkan 73 orang responden yang terdiri daripada pelajar sarjana jurusan

perbankan dan kewangan Islam di UUM yang dijadikan sebagai instrumen kajian. Oleh kerana bilangan populasi yang kecil iaitu seramai 73 orang pelajar, kesemua pelajar telah dijadikan sampel kajian oleh penyelidik.

Sebanyak 73 borang kaji selidik telah diedar kepada pelajar dan hanya sebanyak 63 (86%) borang kaji selidik yang telah diterima semula. Majoriti responden adalah terdiri daripada pelajar perempuan (66.7%) dan hanya melibatkan 21 orang responden merupakan pelajar lelaki (33.3%). Pelajar-pelajar ini berumur di antara 21-30 tahun 88.9% di mana majoriti pelajar ada berbangsa melayu (87.3%) dan merupakan pelajar daripada tahun 1 (50.8%). Hasil kajian juga mendapati responden telah menjawab kesemua soalan dalam soal selidik dengan baik di mana kesemua soalan meliputi aspek kesedaran, pengetahuan dan modal insan pelajar terhadap audit syariah.

Sebelum pengumpulan data kajian sebenar dilakukan, kajian rintis (*pilot test*) untuk menguji kebolehpercayaan dilaksanakan terlebih dahulu. Tujuan ujian kajian rintis (*pilot test*) ini dilaksanakan adalah bagi memastikan kesemua soalan di dalam borang kaji selidik dapat di fahami oleh responden. Hasil kajian rintis mendapati kesemua pemboleh ubah mempunyai nilai melebihi nilai yang telah ditetapkan iaitu pada 0.7. Ini bermaksud, soalan adalah sesuai digunakan dan di fahami oleh responden. Pemboleh ubah tidak bersandar melibatkan kesedaran, pengetahuan dan modal insan. Manakala persepsi pelajar sarjana terhadap audit syariah mewakili pemboleh ubah bersandar. Skala Likert 5 poin telah digunakan oleh penyelidik sebagai ukuran kepada pemboleh ubah.



Untuk menganalisis data kajian, program perisian komputer SPSS 22.0 telah di gunakan dan hasil kajian melibatkan analisis deskriptif bagi menganalisis demografi responden berdasarkan kekerapan dan peratusan. Manakala ujian inferensi di gunakan untuk menganalisis data bagi melihat hubungan di antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar seperti ujian *t*-bebas (*Independent T-test*), ujian satu hala Anova (*One Way Anova*), ujian kolerasi Pearson (*Pearson Correlation*) dan ujian analisis regresi berganda (*Multiple Regression*).

Oleh kerana objektif kajian adalah bagi mengkaji hubungan di antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar, hasil dapatan kajian daripada ujian analisis kolerasi Pearson (*Correlation Pearson*) akan dirujuk oleh penyelidik dalam memastikan objektif kajian telah dicapai. Penyelidik merujuk kepada analisis inferensi berdasarkan ujian kolerasi Pearson adalah kerana ujian kolerasi Pearson ini digunakan bagi melihat tahap hubungan di antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar yang telah direka bentuk dalam Bab 3. Hasil dapatan kajian telah menunjukkan bahawa kesemua pemboleh ubah tidak bersandar iaitu kesedaran, pengetahuan dan modal insan mempunyai hubungan yang ketara (signifikan) dengan pemboleh ubah bersandar iaitu persepsi pelajar.

### **5.1.1 Perbezaan Demografi (Jantina, Umur, Bangsa, dan Tahun Pengajian) dengan Persepsi Pelajar Sarjana.**

Bagi melihat sama ada terdapatkah perbezaan di antara faktor-faktor demografi seperti jantina, umur, bangsa dan tahun pengajian, ujian sampel *t*-bebas dan ujian hubungan satu hala ANOVA telah dirujuk. Hasil ujian sampel *t*-bebas telah menunjukkan tidak

terdapatnya perbezaan antara faktor demografi jantina dengan persepsi pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam di UUM terhadap audit syariah. Ini menunjukkan bahawa perbezaan jantina tidak memberi sebarang hubungan mahupun pengaruh kepada persepsi pelajar terhadap audit syariah.

Ujian analisis hubungan satu hala Anova digunakan bagi melihat sama ada terdapatkah perbezaan di antara faktor demografi seperti umur, bangsa dan tahun pengajian dengan persepsi pelajar. Berdasarkan hasil analisis hubungan satu hala Anova mendapati faktor demografi iaitu umur dan bangsa tidak memberi apa-apa perbezaan kepada persepsi pelajar terhadap audit syariah. Namun begitu, faktor demografi iaitu tahun pengajian didapati mempunyai perbezaan dengan persepsi pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan di UUM terhadap audit syariah. Ini menunjukkan, tahun pengajian memberi kesan yang berbeza terhadap persepsi pelajar mengenai audit syariah.

### **5.1.2 Hubungan antara Kesedaran dengan Persepsi Pelajar Sarjana**

Hasil dapatan kajian mendapati terdapatnya hubungan yang ketara (signifikan) antara kesedaran dengan persepsi pelajar sarjana. Berdasarkan borang soal kaji selidik, aspek kesedaran yang disoal meliputi perkara berkaitan kesedaran pelajar terhadap audit syariah. Hasil keputusan dapatan kajian menunjukkan bahawa kesedaran mempunyai kekuatan hubungan yang paling kuat iaitu pada  $r = 0.662$  di antara kesemua pemboleh ubah tidak bersandar yang lain. Hasil ujian ini, bukanlah sesuatu yang mengejutkan penyelidik. Ini kerana responden yang terlibat di dalam kajian ini melibatkan responden daripada jurusan perbankan dan kewangan Islam di mana berdasarkan soal

selidik majoriti responden didapati mempunyai kesedaran mengenai audit syariah. Hasil dapatan kajian ini juga di dapati selari dengan hasil dapatan kajian Ali dan Shafii (2014) di mana responden yang mengambil mata pelajaran audit syariah dan Fiqh-Muamalat di dapati lebih mempunyai kesedaran berbanding pelajar yang hanya terdedah dengan mata pelajaran audit konvensional.

### **5.1.3 Hubungan antara Pengetahuan dan Persepsi Pelajar Sarjana**

Hasil dapatan kajian mengenai hubungan antara pengetahuan dan persepsi pelajar sarjana daripada ujian analisis Kolerasi Pearson menunjukkan terdapatnya hubungan yang sederhana iaitu pada  $r = 0.491$  di mana pengetahuan mempunyai hubungan yang paling rendah berbanding aspek kesedaran dan modal insan.

Soalan di bahagian pengetahuan ini meliputi pengetahuan pelajar dari segi perbezaan antara audit syariah dan audit konvensional, keperluan penglibatan ahli akademik di dalam melaksanakan perancangan, laporan dan kajian audit syariah, keperluan melaksanakan audit syariah dalam setiap aktiviti, dan adakah audit syariah perlu dijalankan sekurang-kurangnya sekali setahun atau apabila terdapatnya produk kewangan baru. Keputusan hasil ujian kolerasi Pearson menunjukkan kekuatan hubungan yang sederhana adalah kerana berdasarkan analisis dapatan kajian, penyelidik mendapati terdapat sebilangan pelajar tidak mempunyai pengetahuan mengenai bidang pengauditan syariah. Perkara ini mungkin disebabkan oleh sebilangan pelajar yang tidak mempunyai pengetahuan am dalam audit syariah.

#### **5.1.4 Hubungan antara Modal Insan dan Persepsi Pelajar Sarjana**

Berdasarkan analisis inferensi dengan menggunakan kaedah kolerasi Pearson bagi menguji hubungan di antara pemboleh ubah tidak bersandar dengan pemboleh ubah bersandar, penyelidik mendapati bahawa hasil keputusan dapatan kajian menunjukkan modal insan mempunyai hubungan yang signifikan (ketara) dengan persepsi pelajar sarjana di UUM terhadap audit syariah iaitu pada  $r = 0.596$ .

Aspek modal insan yang di persoal di dalam borang kaji selidik merujuk kepada pengetahuan, kemahiran, kemampuan dan lain-lain sifat harus dimiliki oleh seorang individu bagi melibatkan diri dalam profesion sebagai juruaudit syariah. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar merasakan aspek modal insan sebagai satu elemen yang penting dan perlu diberi perhatian oleh setiap individu untuk memulakan profesion atau kerjaya. Oleh kerana pemboleh ubah tidak bersandar (modal insan) tidak pernah di uji dalam kajian yang sebelum ini oleh penyelidik, dengan itu hasil dapatan kajian tidak mempunyai sokongan daripada hasil kajian penyelidik sebelum ini.

#### **5.2 Implikasi Kajian**

Dari aspek akademik, hasil daripada dapatan kajian ini dapat digunakan sebagai rujukan oleh penyelidik akan datang dalam menjalankan kajian berkaitan audit syariah. Manakala dari aspek praktikal, kajian ini dapat membantu pihak berkepentingan seperti Kementerian Pelajaran Malaysia untuk memperbaiki tahap silibus atau menawarkan lebih banyak kursus berkaitan dengan audit syariah di peringkat sarjana dengan menjadikan mata pelajaran audit syariah sebagai satu mata

pelajaran yang perlu di ambil oleh setiap pelajar supaya mereka diberi pendedahan akan kepentingan audit syariah pada masa kini.

### **5.3 Batasan kajian**

Terdapat beberapa batasan semasa melaksanakan kajian ini oleh penyelidik. Di antaranya adalah kekangan masa di mana penyelidik hanya mempunyai tempoh menyiapkan kajian dalam masa enam bulan sahaja. Selain itu, sampel kajian juga dihadkan kepada pelajar sarjana daripada Universiti Utara Malaysia jurusan perbankan dan kewangan Islam sahaja yang hanya melibatkan seramai 73 orang responden. Dalam usaha untuk meningkatkan ketepatan data berdasarkan sampel kajian yang dipilih oleh penyelidik, penyelidik mengedarkan sendiri borang soal selidik kepada kesemua 73 orang pelajar tetapi hanya mendapat pulangan borang soal selidik daripada responden sebanyak 63 sahaja. Di samping itu, penyelidik juga berhadapan dengan masalah untuk mendapatkan kerjasama responden bagi membantu menjawab borang soal kaji selidik. Oleh itu, dapatan hasil kajian ini hanya berdasarkan sampel kajian penyelidik dan juga tahap kejujuran responden dalam menjawab setiap persoalan yang diajukan dalam borang soal selidik.

### **5.4 Cadangan Penyelidikan Pada Masa Hadapan**

Secara keseluruhan, penyelidik mendapati hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa hipotesis yang telah direka bentuk dan objektif kajian telah berjaya dicapai dan ianya boleh dijadikan sebagai sumber rujukan bagi penyelidik pada masa hadapan.

Perkara utama yang perlu diberikan perhatian oleh penyelidik pada masa hadapan adalah pemilihan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang berkaitan bagi menghasilkan lebih banyak kajian mengenai audit syariah memandangkan kajian di dalam bidang ini masih di peringkat permulaan.

Penyelidik telah membuat cadangan bagi kajian akan datang untuk meningkatkan lagi kajian berkenaan audit syariah. Cadangan ini melibatkan penyelidikan berkaitan juruaudit syariah dengan menguji kecekapan juruaudit sebagai pemboleh ubah bersandar dalam mengendalikan tugas sebagai juruaudit syariah dalam memastikan institusi-institusi kewangan Islam ini menjalankan urusan niaga berlandaskan syariah Islam.

Penyelidikan berkaitan kecekapan juruaudit syariah adalah penting kerana pada ketika ini institusi kewangan Islam telah mula berkembang secara positif bukan sahaja di Malaysia malah secara global. Selain itu, perkhidmatan dari institusi kewangan Islam ini bukan sahaja digunakan oleh mereka yang beragama Islam tetapi ianya turut digunakan oleh individu yang tidak beragama Islam. Perkhidmatan yang diberikan bukan sahaja melibatkan simpanan wang malah turut melibatkan produk kewangan Islam yang lain seperti takaful (insurans berlandaskan syariah Islam), pinjaman peribadi, pinjaman kereta, pinjaman perumahan dan penggadaian berlandaskan syariah Islam.

Pihak berkepentingan yang juga merupakan pelabur dan pengguna perkhidmatan kewangan Islam pasti ingin mengetahui bagaimanakah institusi-institusi kewangan Islam ini memastikan setiap urusan niaga yang dijalankan adalah berlandaskan ekonomi

dan syariah Islam serta bebas daripada riba, gharar (*ketidakpastian*) dan maisir (*perjudian*). Bagi memastikan urusan harian yang dijalankan ini, juruaudit syariah dilihat memainkan peranan yang penting bagi mengeluarkan laporan audit yang benar, telus dan tepat kepada pihak berkepentingan. Laporan ini penting kepada para pelabur bagi menghilangkan rasa ragu-ragu mahupun tidak percaya kepada pengurusan institusi kewangan Islam.

Penyelidik juga ingin mencadangkan kajian mengenai kecekapan juruaudit syariah ini di lakukan ke atas produk kewangan Islam iaitu takaful. Industri insurans (takaful) berlandaskan syariah Islam ini dilihat telah meningkat di kalangan penduduk Malaysia. Kajian ini juga boleh dijalankan dengan memilih skop kajian ke atas salah satu organisasi takaful di Malaysia seperti AIA Takaful, Takaful Ikhlas Berhad, Etiqa Takaful, dan Great Eastern Takaful.

Bagi kajian ini, penyelidik mencadangkan supaya kaedah kajian di lakukan adalah dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu berdasarkan temu bual. Kaedah kualitatif lebih sesuai digunakan bagi mengenal pasti kecekapan juruaudit syariah kerana kebanyakan organisasi takaful ini mempunyai bilangan populasi juruaudit syariah yang kecil. Bagi memastikan data yang diperolehi sah dan tepat, kaedah temu bual merupakan kaedah terbaik.

## **5.5 Kesimpulan**

Objektif kajian ke atas faktor demografi seperti jantina, umur, bangsa dan tahun pengajian adalah bagi melihat perbezaan faktor-faktor demografi dengan pemboleh

ubah bersandar. Selain itu, objektif lain kajian adalah bagi mengenal pasti hubungan di antara pemboleh ubah tidak bersandar iaitu kesedaran, pengetahuan dan modal insan dengan persepsi pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam di UUM terhadap audit syariah.

Secara keseluruhan, objektif kajian yang melibatkan pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar telah berjaya dicapai oleh penyelidik. Selain itu, kajian ini juga telah berjaya menganalisis secara imperikal mengenai hubungan di antara kesedaran, pengetahuan dan modal insan dengan persepsi pelajar sarjana jurusan perbankan dan kewangan Islam di UUM terhadap audit syariah. Penyelidik juga berharap agar kajian ini dapat membantu meningkatkan penambahbaikan kajian di masa akan datang selain dapat dijadikan rujukan.



**UUM**  
Universiti Utara Malaysia



## RUJUKAN

- AAOIFI (2010) *Accounting, Auditing and Governance Standards for Islamic Financial Institutions*. Manama, Bahrain: Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions.
- Abdul Razak, M.Z., & Omar, N. (2008). Audit Syariah Dalam Institusi Kewangan Islam Di Malaysia. *Jurnal Muamalat*, Bil.1/2008, 135-150.
- Abdullah, M. (1994). *Analisis Regresi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah, M., & Zakaria, Z. (2006). Desired attributes of public accounting firms from accounting students' perceptions: The case of University of Malaya & International Islamic University of Malaysia. *Journal of Financial Reporting and Accounting*, 4(1), 25–37.
- Ahmad, M. R., & Al-Aidaros, A. H. (2015). The Need of Independent Shariah Members in Islamic Cooperative Banks: An Empirical Study of Professional Accountants in Malaysia. *International Review of Management and Business Research*, 4(1), 110.
- Ali, N. A. M., Mohamed, Z. M., Shahimi, S., & Shafii, Z. (2015). Competency of Shariah Auditors in Malaysia: Issues and Challenges. *Journal of Islamic Finance*, 4(1), 22-30.
- Ali, N.A.M, & Shafii, Z. (2014). The Undergraduates' Perspective on Shariah Audit in Islamic Bank: An Insight to the Future Shariah Auditor Labour Market in Malaysia. *Gading Business and Management Journal*. Volume 18, Number 1,

1-20, 2014.

Alvin A. Arens et. al. (2008). *Auditing and Assurance Services in Malaysia. An Integrated Approach*, (Malaysia, Prentice Hall, 2008), Malaysian Edition, 2nd Edition.

Audit Manual (2005). Public Service Commission of Canada. Available at [www.pcs-cfp.gc.ca](http://www.pcs-cfp.gc.ca). Retrieved on: 18.10.2015.

Awais Bhatti, M., & Veera Pandiyan Kaliani Sundram (2015). *Business Research Quantitative and Qualitative Methods*. Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

Bank Negara Malaysia (BNM), (2010). *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institution (SGF)*. Available at [www.bnm.gov.my](http://www.bnm.gov.my). Retrieved on 18.10.2015.

Baron, A. (2011). Measuring human capital. *Strategic HR Review*, 10(2), 30-35.

Bayne, T., Hohwy, J., & Owen, A. M. (2016). Are There Levels of Consciousness? *Trends in Cognitive Sciences*. Chicago

Becker, G. (1964). Human Capital. A Theoretical and Empirical Analysis with Special Reference to Education. (3rd ed.). Chicago and London: University of Chicago Press.

Bonner, S. E., & Walker, P. L. (1994). The effects of instruction and experience on the acquisition of auditing knowledge. *Accounting Review*, 157-178.

Cheng, Y.-S., Liu, Y.-P., & Chien, C.-Y. (2009). The association between auditor quality and human capital. *Managerial Auditing Journal*, 24(6), 523–541.

Coakes, J. S., (2013). *SPSS Version 20.0 for Windows Analysis Without Anguish*.  
Milton, Queensland: John Wiley & Sons Ltd.

Davenport, T.H. & Prusak, L. (2000). *Working Knowledge: How Organizations  
Manage What They Know*. Boston: Harvard Business School Press.

Dehaene, S., (2014). *Consciousness and the Brain: Deciphering How the Brain  
Codes Our Thoughts*. Viking Adult, New York, NY.

Ernst & Young (2014). *World Islamic Banking Competitiveness Report 2013-2014*.

Retrieved on 11 May 2016 from:

[http://www.ey.com/Publication/vwLUAssets/World\\_Islamic\\_Banking\\_Competitiveness\\_Report\\_2013-14/\\$FILE/World%20Islamic%20Banking%20Competitiveness%20Report%202013-14.pdf](http://www.ey.com/Publication/vwLUAssets/World_Islamic_Banking_Competitiveness_Report_2013-14/$FILE/World%20Islamic%20Banking%20Competitiveness%20Report%202013-14.pdf)

Hair, F. J., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2009). *Multivariate Data  
Analysis*, 7<sup>th</sup> Edition.

Hameed, S. (2008). *The Case for Islamic Auditing*. International Accountant. Source:  
<http://www.kantakji.com/fiqh/Files/Accountancy/v181.pdf>. Retrieved: 15-10-2015.

Hammami, H., & Hossain, M. (2010). Perceptions of the accountant held by  
business students and business professionals in an emerging country: *The case  
of Qatar. Education, Business and Society: Contemporary Middle Eastern  
Issues*, 3(1), 48-62.

- Hanefah, M. M., Shafii, Z., Saleh, S., & Zakaria, N. (2014). Governance and Shariah Audit in Islamic Financial Institutions.
- Haniffa, R. (2010) Auditing Islamic Financial Institutions. *Islamic Finance: Instruments and Market*. QFinance.
- Henley, S. H. A. (1984). Unconscious perception re-revisited: A comment on Merikle's (1982). Paper *Bulletin of the Psychonomic Society*, 11, 121-124.
- Islamic Finance (March 31, 2015). The World Bank website page. Retrieved from <http://www.worldbank.org/en/topic/financialsector/brief/islamic-finance>.
- Hitt, M. A., Biermant, L., Shimizu, K., & Kochhar, R. (2001). Direct and moderating effects of human capital on strategy and performance in professional service firms: A resource-based perspective. *Academy of Management journal*, 44(1), 13-28.
- Kasim, N. (2012). Auditing from the Islamic perspective. *Accountants Today*, (January), 28–31.
- Kasim, N., Mohamad Ibrahim, S.H., & Sulaiman, M., (2009). Shariah auditing in Islamic financial institutions: Exploring the gap between the “Desired” and the “Actual.” *Global Economy & Finance Journal*, 2(2), 127–137.
- Kirschner, P., Van Vilsteren, P., Hummel, H., & Wigman, M., (1997). The design of a study environment for acquiring academic and professional competence. *Studies in Higher education*, 22(2), 151-171.

- Krejcie, R. V., and Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*.
- Lizzio, A., Wilson, K., & Simons, R. (2002). University students' perceptions of the learning environment and academic outcomes: Implications for theory and practice. *Studies in Higher Education*, 27(1), 27–52.
- Masrek, M. N., & Zainol, N. Z. M. (2015). The Relationship between Knowledge Conversion Abilities and Academic Performance. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 174, 3603-3610.
- Meyer, L. S., Gamst, G., and Guarino, J. (2006). *Analysis of Variance Designs: A Conceptual and Computational Approach with SPSS and SAS*. UK: Cambridge University Press.
- Merikle, P. M. (1984). Toward a definition of awareness. *Bulletin of the Psychonomic Society*, 22(5), 449-450.
- Mohamed Sultan, S.A. (2007). *A mini guide to shari'ah audit for Islamic financial institutions - A Primer*. Kuala Lumpur: CERT Publications.
- Mohiuddin, G. M. (2012) Auditing: Conventional and Divine Perspective, *Research Journal of Finance and Accounting*.
- Muchinsky, P. M. (1993). *Psychology Applied to Work: An Introduction to Industrial and Organizational Psychology*. California: Brooks-Cole.
- Natt, A., Al-Habshi, O. & Zainal, M.P. (2009). A proposed framework for human capital development in the Islamic Financial Services industry. *The Journal of*

*Knowledge Economy & Knowledge Management*, 1, 9-26.

Nakhata, C. (2007). The relationship between human capital, entrepreneurial competencies and career success of SME entrepreneur in Thailand. *AU Journal of Management*, 5(1).

OECD (1998). *Human Capital Investment: An International Comparison*. OECD Publications, Paris.

Price Waterhouse Cooper (2011). *Shariah audit: Industry insights. PWC Report*.

Rahman, A. R. A. (2008). *Shari'ah audit for Islamic financial services: The needs and challenges*. ISRA Islamic Finance Seminar, Kuala Lumpur, Malaysia.

Ros, W., Sulaiman, W. I. W., & Mahbob, M. H. (2015). Hubungan komunikasi keorganisasian dengan perancangan strategik modal insan universiti kebangsaan Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 1-14.

Sekaran, U. (2013). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach Sixth Edition*. John Wiley & Sons Ltd.

Shafii, Z., Salleh, S., Hanefah, H. M. M., & Jusoff, K. (2013). Human capital development in Shariah Audit. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 13, 28-34.

Soltani, Bahram (2007). *Auditing: An International Approach*. Prentice Hall (Pearson Education), Harlow, UK 2007.

- Uddin, M.H., Ullah, M. H., & Hossain, M.M., (2013). An overview on the basics of Islamic Audit. *European Journal of Business and Management*, 5 (28), 9 -17.
- Utah, R., (2013). *E-book IBM Statistics for Window Versi 21.0*. Pejabat Teknologi Maklumat 19/02/2013.
- Utusan Online (2014, May 10). Kerjasama Strategik USIM, BMMB, Lahir Juruaudit Syariah. Retrieved from:  
[http://ww1.utusan.com.my/utusan/Selatan/20140510/ws\\_02](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Selatan/20140510/ws_02)
- Yaacob, H. and Donglah, N. K. (2012) Shari'ah audit in Islamic financial institutions: The postgraduates "Perspective, *International Journal of Economic and Finance*.
- Yaacob, H., Shafeek, F., & Hairul Nahar, H.S. (2013). Exploring undergraduate students' understanding of shari'ah based audit: Implications for the future of shari'ah auditing labor market in Brunei. *Asian Journal of Finance & Accounting*, 5(2), 84.
- Yahya, Y and Mahzan, N. (2012) The Role of Internal Auditing in Ensuring Governance in Islamic Financial Institutions (IFI). 3rd International Conference on Business and Economic Research (3rd ICBR 2012).
- Yavas, U., & Arsan, N. (1996). Image of auditing as a field of study and a career among college students. *Managerial Auditing Journal*, 11(5), 41–44.
- Zdolsek, D. (2013). Slovene students' perception of auditors: Is there a stereotype? *Актуальні проблеми економіки*, (11), 338-345.